

BAB 6

ANALISIS BAHAGIAN PENDULU

6.1 Pengenalan

Dalam Bab 4, telah dibincangkan aspek penggunaan kata, sementara dalam Bab 5 telah dibincangkan aspek penggunaan ayat, untuk melihat ciri retorik penulisan kewartawanan akhbar *Berita Harian*. Dalam bab ini, dibincangkan pula aspek pendulu berita sebagai aspek yang dipilih untuk menunjukkan ciri retorik penulisan kewartawanan akhbar yang dikaji pada aras wacana. Dalam Bab 3, telah ditunjukkan aras-aras dalam tatatingkat bahasa, bermula dari yang kecil (bunyi atau fonem) hingga aras yang terbesar (wacana).

Dalam Bab 3, telah dibincangkan juga konsep pendulu berita dan signifikannya dalam retorik kewartawanan serta ciri-ciri pendulu yang baik. Dua jenis pendulu yang dibincangkan dalam bab itu akan diterapkan dalam analisis pendulu akhbar *Berita Harian*, iaitu pendulu tradisional dan pendulu alternatif.

Ciri retorik penulisan kewartawanan akhbar yang dikaji dari sudut wacana akan didasarkan pada kecenderungan pemilihan antara kedua-dua jenis pendulu itu. Kiraan kekerapan pemilihan jenis pendulu dikemukakan untuk menyokong analisis itu.

6.2 Analisis Taburan Jenis Pendulu

Sampel pendulu setiap tahun, iaitu dari tahun 1957 hingga tahun 1999 diperhatikan satu persatu dan dikategorikan ke dalam jenis pendulu yang sesuai, iaitu sama ada jenis tradisional atau jenis alternatif. Taburan jenis-jenis pendulu itu dapat dilihat dalam Jadual 6.1

Jadual 6.1: Taburan Jenis Pendulu Berita

Pendulu Tradisional (5W + 1H)	Pendulu Alternatif						
	Naratif	Kontras	Staccato	Penyata Langsung	Soalan	Petikan	Lain
Semua sampel sepanjang 43 tahun (1957-1999), kecuali 8 sampel (lihat dalam lajur Pendulu Alternatif)	5 Ogos 1957					3 April 1962	
	2 Jun 1969					18 Ogos 1969	
	21 Ogos 1989					10 Mac 1970	
						6 Jun 1977	
						14 Dis. 1998	

Dengan berdasarkan Jadual 6.1, dapat dilhat bahawa jenis pendulu yang paling dominan ialah pendulu tradisional. Daripada sejumlah 488 sampel pendulu sepanjang 43 tahun, didapati bahawa 480 pendulu (98.4%) termasuk dalam pendulu tradisional dan hanya 8 (1.6%) pendulu yang termasuk dalam jenis pendulu alternatif.

Analisis bagi pendulu tradisional dilakukan dengan berfokus pada dua aspek, iaitu:

- (i) Kepanjangan ayat dalam pendulu, iaitu yang lebih dan yang kurang daripada 35 patah kata (Jumlah 35 patah kata dalam pendulu ialah ukuran pendulu yang jelas maklumatnya – lihat Bab 3).
- (ii) Unsur yang diutamakan dalam pendulu daripada 6 unsur pendulu tradisional (5W + 1H), iaitu sama ada *apa*, *siapa*, *bila*, *di mana*, *mengapa* dan *bagaimana*.

Bagi pendulu alternatif, akan dibincangkan dua aspek juga, iaitu:

- (i) kepanjangan pendulu
- (ii) pemilihan sama ada bentuk naratif, kontras, staccato, penyata langsung, soalan, petikan atau bentuk lain.

6.2.1 Kepanjangan Pendulu

Dalam Bab 3, telah dibincangkan prinsip penulisan pendulu, antaranya tujuh prinsip yang dikemukakan oleh Itule dan Anderson (2000). Dalam hubungannya dengan kepanjangan pendulu, mereka, seperti juga ahli-ahli yang lain (misalnya Fedler) menekankan kawalan kepanjangan pendulu untuk menjamin kejelasan dan fokus pendulu. Ukuran 35 patah kata dijadikan asas untuk mengukur kepanjangan pendulu yang wajar.

Dapatan daripada sampel yang dikaji dari tahun ke tahun, iaitu dari tahun 1957 hingga tahun 1999 menunjukkan taburan kepanjangan pendulu akhbar *Berita Harian* seperti pada Jadual 6.2.

Jadual 6.2: Taburan Kepanjangan Pendulu Berita Akbar *Berita Harian* (1957-1999) Berdasarkan Jumlah Kata

Tahun	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	Purata
1957	-	-	-	-	-	-	30	15	16	18	22	37	23
1958	21	17	26	30	25	10	13	-	36	22	32	23	24
1959	27	30	23	21	22	25	25	17	21	-	25	12	23
1960	9	28	25	27	38	20	24	39	38	11	22	12	24
1961	26	20	19	23	34	18	20	17	15	25	24	12	21
1962	-	-	16	25	29	26	20	22	26	25	-	-	24
1963	26	33	21	28	24	18	23	19	19	32	24	27	25
1964	15	35	29	18	16	22	26	33	34	20	24	14	24
1965	21	19	18	18	30	20	21	18	24	22	22	29	22
1966	14	24	-	20	25	9	17	22	23	30	-	19	20
1967	21	15	24	17	23	-	19	25	25	12	17	19	20
1968	20	-	27	23	23	16	20	17	23	25	-	-	22
1969	24	27	20	24	23	16	20	20	22	21	25	27	22
1970	9	-	35	23	33	25	16	13	-	-	25	19	22
1971	24	21	27	22	18	25	25	30	24	-	16	23	24
1972	26	20	17	27	18	27	22	15	17	35	13	13	21
1973	22	-	12	20	16	22	32	15	11	13	12	24	18
1974	19	30	16	22	20	16	25	25	13	28	23	20	21
1975	20	19	10	25	22	23	24	18	29	24	23	26	22
1976	20	27	28	13	40	17	24	26	28	17	20	22	24
1977	14	20	24	21	38	21	19	26	21	20	18	25	22
1978	20	11	23	23	20	22	19	27	31	26	25	27	23
1979	26	22	28	31	22	16	12	27	19	14	24	24	22

Jadual 6.2, sambungan

Tahun	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	Purata
1980	26	26	20	26	17	24	23	14	19	22	23	23	22
1981	21	23	25	24	15	24	19	20	19	27	20	17	22
1982	16	34	17	21	33	18	16	19	20	16	22	23	21
1983	27	24	29	24	13	16	30	26	28	22	21	19	23
1984	28	18	24	21	27	20	21	23	25	28	17	23	23
1985	27	23	31	24	21	26	15	17	16	14	21	27	22
1986	19	-	17	21	21	15	20	15	32	26	16	18	20
1987	18	21	16	14	19	25	17	16	14	28	22	17	19
1988	19	21	27	20	17	19	20	-	22	22	19	21	21
1989	16	16	22	18	18	21	16	14	17	27	16	27	19
1990	23	21	33	25	-	26	28	25	24	17	31	24	26
1991	28	18	29	33	26	20	26	20	34	24	21	17	25
1992	-	22	13	25	19	24	29	23	-	17	32	29	23
1993	14	23	20	23	22	16	17	29	22	26	15	23	21
1994	20	18	16	22	21	24	22	19	23	23	20	23	21
1995	24	23	23	20	19	27	15	25	24	19	23	18	22
1996	13	16	21	25	20	19	20	23	22	27	24	21	21
1997	25	19	20	22	18	18	22	29	24	21	23	26	22
1998	24	25	20	21	16	22	35	20	22	35	24	28	24
1999	28	34	20	16	17	25	23	23	34	17	24	20	23

Jumlah pendulu setiap sampel, iaitu sampel setiap bulan bagi setiap tahun dari tahun 1957 hingga tahun 1999 (kecuali sampel yang tidak dapat diperoleh kerana tiada dokumen pada bulan tertentu) dihitung dan hasilnya seperti yang dipaparkan dalam Jadual 6.2.

Daripada data tersebut, dapat diperhatikan bahawa sejumlah besar pendulu, iaitu pada sejumlah 39 daripada 43 tahun semua pendulu ditulis tidak melebihi 35 patah perkataan, iaitu standard kepanjangan untuk pendulu yang jelas dan berfokus. Hanya 1 daripada 6 pendulu (1957), 3 daripada 12 pendulu (1960), 1 daripada 12 pendulu (1976) dan 1 daripada 12 pendulu (1977) yang ditulis melebihi 35 patah perkataan. Dapatkan itu jelas tergambar juga pada Jadual 6.3 yang menunjukkan jumlah dan peratus pendulu yang lebih dan kurang daripada 35 patah perkataan.

Jadual 6.3: Kepanjangan Pendulu Berita Akhbar *Berita Harian* dari Tahun Ke Tahun (1957-1999)

Tahun	Pendulu Kurang daripada 35 Perkataan	Pendulu Lebih daripada 35 Perkataan
1957	5 (83.3%)	1 (16.7%)
1958	11 (100%)	0 (0%)
1959	11 (100%)	0 (0%)
1960	9 (75%)	3 (25%)
1961	12 (100%)	0 (0%)
1962	8 (100%)	0 (0%)
1963	12 (100%)	0 (0%)
1964	12 (100%)	0 (0%)
1965	12 (100%)	0 (0%)
1966	10 (100%)	0 (0%)
1967	11 (100%)	0 (0%)
1968	9 (100%)	0 (0%)
1969	12 (100%)	0 (0%)

Jadual 6.3, sambungan

Tahun	Pendulu Kurang daripada 35 Perkataan	Pendulu Lebih daripada 35 Perkataan
1970	9 (100%)	0 (0%)
1971	11 (100%)	0 (0%)
1972	12 (100%)	0 (0%)
1973	11 (100%)	0 (0%)
1974	12 (100%)	0 (0%)
1975	12 (100%)	0 (0%)
1976	11 (91.7%)	1 (8.3%)
1977	11 (91.7%)	1 (8.3%)
1978	12 (100%)	0 (0%)
1979	12 (100%)	0 (0%)
1980	12 (100%)	0 (0%)
1981	12 (100%)	0 (0%)
1982	12 (100%)	0 (0%)
1983	12 (100%)	0 (0%)
1984	12 (100%)	0 (0%)
1985	12 (100%)	0 (0%)
1986	11 (100%)	0 (0%)
1987	12 (100%)	0 (0%)
1988	11 (100%)	0 (0%)
1989	12 (100%)	0 (0%)
1990	11 (100%)	0 (0%)
1991	12 (100%)	0 (0%)
1992	10 (100%)	0 (0%)
1993	12 (100%)	0 (0%)
1994	12 (100%)	0 (0%)
1995	12 (100%)	0 (0%)
1996	12 (100%)	0 (0%)
1997	12 (100%)	0 (0%)
1998	12 (100%)	0 (0%)
1999	12 (100%)	0 (0%)

Dalam dekad 1950-an, sampel ketiga-tiga tahun menunjukkan peratusan yang tinggi bagi pendulu yang kepanjangannya kurang daripada 35 patah perkataan. Hanya pada tahun 1957 terdapat satu (16.7%), sampel yang kepanjangannya melebihi 35 patah

perkataan, sementara tahun 1958 dan 1959 menunjukkan 100% kepanjangan pendulu kurang daripada 35 patah perkataan.

Bagi dekad 1960-an (1961-1969), sejumlah besar pendulu ditulis dengan kepanjangan 35 atau kurang daripada 35 patah perkataan. Hanya pada tahun 1960 terdapat 3 (25%) sampel yang pendulunya melebihi 35 patah perkataan.

Dalam dekad 1970-an pula, sampel 8 tahun (1970, 1971, 1972, 1973, 1974, 1975, 1978 dan 1979) menunjukkan kepanjangan tidak melebihi 35 patah perkataan. Bagaimanapun terdapat sampel pada tahun 1976 dan 1977 yang melebihi 35 patah perkataan, masing-masing 1 (8.3%) sampel sahaja.

Pada dekad 1980-an, semua sampel tahun yang dikaji (100%) memperlihatkan kepanjangan pendulu tidak melebihi 35 patah perkataan. Dapatan yang sama berlaku pada dekad 1990-an, iaitu 100% pendulu sampel yang dikaji tidak melebihi 35 patah perkataan kepanjangannya.

Dari sudut purata jumlah perkataan dalam pendulu bagi setiap tahun, jumlah perkataan yang tertinggi ialah 26, iaitu pada tahun 1990. Pendulu yang paling rendah jumlah perkataannya ialah 18, iaitu pada tahun 1973. Purata bagi 41 tahun yang lain (daripada 43 tahun yang dikaji) berada pada antara dua jumlah tersebut, iaitu antara 18 dengan 23 patah perkataan. Jelas bahawa trend selama 43 tahun secara berterusan akhbar yang dikaji menunjukkan kemantapan dalam penulisan pendulu berita. Tidak terdapat julat yang besar pada jumlah perkataan bagi pendulu berita dari tahun ke tahun.

Demikian juga, purata dari dekad ke dekad tidak memperlihatkan julat yang besar dalam hal jumlah perkataan pendulu berita (lihat Jadual 6.4). Dekad 1950-an mencatat purata 23 patah perkataan, dekad 1960-an mencatat purata 22 patah perkataan, dekad 1970-an mencatat purata 22 patah perkataan, dekad 1980-an mencatat purata 21 patah perkataan dan dekad 1990-an mencatat purata 23 patah perkataan.

Jadual 6.4: Purata Jumlah Perkataan dalam Pendulu Berita dari Dekad ke Dekad

Dekad	Purata Jumlah Perkataan
1950-an	23 patah perkataan
1960-an	22 patah perkataan
1970-an	22 patah perkataan
1980-an	21 patah perkataan
1990-an	23 patah perkataan

Purata keseluruhan jumlah perkataan pendulu akhbar yang dikaji bagi sampel sepanjang 43 tahun ialah 22 dan jumlah itu ternyata jauh lebih rendah daripada 35 patah perkataan yang diletakkan sebagai ukuran maksimum pendulu yang berkesan.

Kesimpulan yang dapat diambil daripada analisis di atas ialah bahawa akhbar *Berita Harian* dari tahun 1957 hingga tahun 1999 didapati memenuhi ciri pendulu yang baik dari segi kepanjangannya, iaitu keringkas, ketepatan dan kepadatan (lihat Bab 3), dengan jumlah 35 patah perakataan sebagai salah satu ukuran dalam prinsip penulisan

kewartawanan. Dengan itu, ciri pendulu yang berfokus dan tidak kabur, iaitu asas penulisan kewartawanan telah dipenuhi. Trend hasil analisis yang dibuat itu dapat dijadikan asas kesimpulan bahawa telah wujud tahap profesionalisme dalam dunia kewartawanan berbahasa Melayu sejak kemerdekaan, khususnya dalam aspek penulisan kewartawanan.

6.2.2 Unsur Keutamaan dalam Pendulu

Analisis pendulu yang berkaitan dengan apakah unsur yang diutamakan berasas pada prinsip bahawa kebanyakan ayat dalam teks berita, sekurang-kurang tiga perempat, terdiri daripada ayat penyata (Mencher, 1996: 134-148). Ayat penyata itu puja bermula dengan subjek yang diikuti oleh kata kerja. Bagi kata kerja transitif, unsur yang perlu ada bersama dengannya ialah objek. Oleh itu, susunan keutamaan dalam ayat teks berita ialah sama ada:

S – K (Subjek – Kata kerja)

ataupun:

S – K – O (Subjek – Kata kerja – Objek)

Prinsip tersebut dapat dikaitkan dengan unsur-unsur teras teks berita, iaitu *apa*, *siapa*, *bila*, *di mana*, *mengapa* dan *bagaimana* yang dalam disiplin jurnalisme disebut sebagai 5W+1H. Analisis dalam bahagian ini berfokus pada apakah unsur-unsur yang diutamakan dalam pembinaan pendulu akhbar *Berita Harian*.

Dua kemungkinan unsur yang diutamakan dalam pendulu, berdasarkan prinsip susunan ayat berita yang dikemukakan oleh Melvin Mencher itu ialah *siapa* atau *apa*, iaitu sebagai subjek ayat. Kata *siapa* merujuk kepada subjek pelaku yang diikuti oleh kata

kerja yang menunjukkan perbuatan yang dilakukannya. Kata *apa* pula merujuk kepada subjek keadaan yang diikuti oleh kata kerja yang menunjukkan keadaan itu. Selain itu akan dilihat unsur lain yang menyertainya. Contohnya:

- (1) Pegawai2 Kastam pada pagi ini telah dapat memperdayakan penyeludup2 yang hendak melerikan hampir 1000 paun rokok yang belum berchukai di- Sungai Kallang.
(13 Januari 1958)

Dalam pendulu itu, subjek ayat ialah jenis subjek pelaku, iaitu *Pegawai2 Kastam* yang diikuti oleh kata kerja transitif *memperdayakan* dan objeknya *penyeludup2 yang hendak melerikan hampir 1000 paun rokok yang belum berchukai*.

Analisis ayat ini dapat digambarkan seperti yang berikut:

[Pegawai2 Kastam]_S [pada pagi ini]_{Kt-wk} [telah dapat memperdayakan]_K
[penyeludup2 yang hendak melerikan hampir 1000 paun rokok yang belum berchukai]_{Obj} [di-Sungai Kallang]_{Kt-Tm}

Ayat tersebut masih bersusunan S-K-O (Subjek – Kata Kerja – Objek) tetapi terdapat penyisipan unsur keterangan waktu (Kt-wk) antara Subjek dengan unsur Kata kerja dan pada akhir ayat disertakan unsur keterangan tempat (Kt-Tm). Susunan pendulu itu ialah:

Siapa – Bila – Apa – Di mana.

Unsur *mengapa* dan *bagaimana* tidak terdapat dalam contoh tersebut.

Dalam bahagian ini, akan dianalisis keutamaan sama ada pendulu akhbar yang dikaji tertumpu pada unsur *siapa* atau *apa*, iaitu sama ada memberatkan pelaku atau peristiwa. Dua unsur itu dianggap inti pendulu, sebagaimana yang ditegaskan oleh Melvin

Mencher dan telah dibincangkan pada permulaan bahagian ini. Mula-mula dibentangkan data pendulu dalam sampel dari tahun ke tahun untuk melihat unsur yang diutamakan dan susunan pendulu dalam mengemukakan enam unsur berita (5W + 1H). Kemudian, dianalisis kekerapan unsur *siapa* dan *apa* berdasarkan data yang dibentangkan itu dengan memperlihatkan jumlah dan peratus kedua-dua unsur itu dari tahun ke tahun dan kemudian dari dekad ke dekad. Analisis itu diharapkan dapat memperlihatkan kecenderungan akhbar yang dikaji dalam hal kaedah memaparkan pendulu berita.

6.2.2.1 Susunan Keutamaan dalam Pendulu Berita

Pendulu Tahun 1957

Dapatan susunan unsur pendulu 6 sampel tahun 1957 adalah seperti yang berikut:

Sampel 1 (8 Julai 1957)

- (a) Siapa – Apa – Bila
Siapa : Empat pegawai cukai custom
Apa : telah menamatkan mogok mereka
Bila : hari ini
- (b) Siapa – Apa – Bila
Siapa : Lembaga Talipon
Apa : bersiap hendak memelihara perkhidmatan-nya
Bila : lepas daripada ahli2-nya yang jadi ahli Kesatuan pekerja2-nya berhenti kerja pada tengah malam pada hari Sabtu.

Pendulu yang dianalisis terdiri daripada ayat majmuk, iaitu terkandung di dalamnya dua ayat. Jelas bahawa unsur yang diutamakan dalam pendulu itu ialah *siapa*, *apa*, dan *bila*, sementara unsur *di mana*, *bagaimana* dan *mengapa* tidak diberi penekanan.

Sampel 2 (5 Ogos 1957)

- Siapa – Bila – Apa
Siapa : Yang di-Pertuan Agong yang telah di-pileh, Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Abdul Rahman

Bila : semalam
Apa : telah membuat dua kenyataan yang tegas kepada saya.

Pendulu tersebut mengutamakan tiga unsur sahaja, iaitu *siapa*, *bila* dan *apa*.

Sampel 3 (3 September 1957)

Siapa – Apa – Di mana – Bila – Mengapa
Siapa : Beribu2 rakyat Malaya
Apa : telah menyesakkan padang
Di mana : Kuala Lumpur
Bila : pagi sa-malam
Mengapa : kerana menyaksikan Raja mereka memereksa barisan tentera.

Dalam pendulu tersebut, lima daripada enam unsur berita ditonjolkan iaitu, *siapa*, *apa*, *di mana*, *bila* dan *mengapa*, tetapi tiada unsur *bagaimana*.

Sampel 4 (14 Oktober 1957)

Apa – Siapa – Bila – Di mana
Apa : PERIKATAN UMNO-MCA-MIC akan di-daftarkan sebagai sa-buah party politik.
Siapa : Perdana Menteri, Tengku Abdul Rahman,
Bila : yang telah mengemuka hal ini kelmarin,
Di mana : telah memberi tahu Berita Harian dalam suatu pertemuan khas.

Dalam pendulu sampel 4, hanya empat unsur yang diutamakan, iaitu unsur *apa*, *siapa*, *bila* dan *di mana*. Dari segi binaan ayat pula, ayat pertama pendulu itu ditulis dalam ragam ayat pasif, iaitu binaan ayat yang kurang digalakkan dalam teks berita (lihat Bab 3).

Sampel 5 (11 November 1957)

Siapa – Apa – Bila – Mengapa
Siapa : Menteri Dalam Negeri dan Keadilan, Inche Sulaiman bin Dato' Abdul Rahman
Apa : telah menyeru kapada orang China
Bila : sa-malam
Mengapa : supaya mereka berusaha lebuh lagi memulehkan ketenteraman di-Persekutuan dan juga membantu menamatkan dharurat.

Empat unsur diutamakan dalam pembinaan pendulu itu, iaitu *siapa*, *apa*, *bila* dan *mengapa*. Dua unsur, iaitu *di mana* dan *bagaimana* tidak dimasukkan.

Sampel 6 (9 Disember 1957)

Apa – Bagaimana – Di mana – Bila	
Apa	: Sa-orang telah terbunoh dan sa-orang lagi luka parah
Bagaimana	: apabila Polis menyerang hendap satu kumpulan delapan orang
Di mana	: di- Jalan Talalla behampiran dengan stadium mereka, Kuala Lumpur
Bila	: pada pukul 1.30 pagi sa-malam.

Empat unsur diutamakan, iaitu *apa*, *bagaimana*, *di mana* dan *bila*, sementara unsur *siapa* dan *mengapa* tidak ditonjolkan. Ayat pendulu itu dibina dalam ragam ayat pasif.

Pendulu Tahun 1958

Terdapat 11 sampel pendulu untuk tahun 1958.

Sampel 1 (13 Januari 1958)

Siapa – Bila – Apa – Di mana	
Siapa	: Pegawai2 Kastam
Bila	: pada pagi ini
Apa	: telah dapat memperdayakan penyeludup2 yang hendak mlarikan hampir 1000 paun rokok yang belum berchukai
Di mana	: di-Sungai Kallang.

Unsur yang diutamakan ialah *siapa*, *bila*, *apa* dan *di mana*. Dari segi binaan ayat, pendulu itu masih memenuhi susunan S – K – O.

Sampel 2 (3 Februari 1958)

Siapa - Bila - Apa - Mengapa	
Siapa	: Pengarah Gerakan Perang Malaya, Lient General Sir James Cassels
Bila	: sa-malam
Apa	: telah merayu kepada tiap2 orang Malayan mengadakan perchubaan akhir yang bersunggoh2
Mengapa	: bagi menamatkan dharurat.

Unsur keutamaan pendulu itu ialah *siapa*, *bila*, *apa* dan *mengapa*. Binaan pendulu memenuhi susunan S – K – O.

Sampel 3 (10 Mac 1958)

Siapa – Bila – Apa

- | | | |
|-------|---|---|
| Siapa | : | Pemimpin2 MCA di-Perak dan Selangor |
| Bila | : | kelmarin |
| Apa | : | telah mengaku sokongan mereka bagi Sir Cheng Lock Tan dan telah menyelar langkahan2 yang dikatakan hendak menjatohkannya daripada jawatan Presiden party itu. |

Unsur yang diutamakan ialah *siapa*, *bila* dan *apa*. Susunannya S – K – O

Sampel 4 (7 April 1958)

Siapa – Di mana – Bila – Apa (1) – Siapa – Apa (2)

- | | | |
|---------|---|--|
| Siapa | : | Mangsa kebakaran |
| Di mana | : | di-Kampong Koo |
| Bila | : | kelmarin |
| Apa (1) | : | telah bertambah |
| Siapa | : | satu lagi mayat yang hangus |
| Apa (2) | : | di-keluarkan dari runtohan2 yang maseh berasap |

Pendulu terdiri daripada ayat majmuk yang di dalamnya terdapat dua ayat. Dalam ayat pertama, unsur pendulu ialah *siapa*, *di mana*, *bila* dan *apa*, sementara dalam ayat yang kedua, hanya unsur *siapa* dan *apa* yang ketara disebabkan unsur *di mana* dan *bila* telah dinyatakan dalam ayat pertama. Binaan ialah S – K – O

Sampel 5 (12 Mei 1958)

Siapa – Bila – Apa

- | | | |
|-------|---|---|
| Siapa | : | Dua belas orang termasok dua orang pegawai bangsa Eropah |
| Bila | : | pada malam ini |
| Apa | : | telah terperangkap 900 kaki bawah tanah dalam kemalangan lumbong emas yang dahshat sa-kali di Malaya. |

Tiga unsur diutamakan, iaitu *siapa*, *bila* dan *apa*. Unsur tempat tidak ditekankan tetapi diketahui daripada maklumat awalan pendulu, iaitu *Raub*. Susunannya ialah S – K, iaitu tanpa objek kerana kata kerjanya bukan transitif.

Sampel 6 (30 Jun 1958)

Siapa – Apa – Mengapa

Siapa : Kerajaan Persekutuan
Apa : akan meminta
Mengapa : supaya Tentera Udara di-Raja British menyerahkan Pasukan Pembantu Udara Malaya (Malayan Auxiliary Force) kapada Tentera Udara di-Raja Malaya.

Hanya tiga unsur pendulu yang dikemukakan, iaitu *siapa*, *apa* dan *mengapa*. Unsur lain memang ternyata tidak penting dalam pendulu itu. Susunannya S – K – O.

Sampel 7 (14 Julai 1958)

Siapa – Apa – Di mana – Bila

Siapa : Ka-bawah Duli Yang Maha Mulia, Sultan Kedah, Sir Badlishah Ibni Al- Marhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah
Apa : telah mangkat
Di mana : di General Hospital Alor-Star
Bila : sa-jurus lepas pukul 7.30 malam tadi.

Empat unsur diutamakan dalam pendulu, iaitu *siapa*, *apa*, *di mana* dan *bila*. Susunannya ialah S – K tanpa objek.

Sampel 8 (1 September 1958)

Siapa – Apa – Mengapa

Siapa : Perdana Menteri, Tengku Abdul Rahman
Apa : telah menerangkan rancangan-nya mengenai suatu perjanjian baharu dengan Siam atas soal sempadan
Mengapa : sa-bagai suatu usaha hendak mempercepatkan tamat-nya Dharurat.

Dalam pendulu itu, tiga unsur diutamakan, iaitu *siapa*, *apa* dan *mengapa*. Susunan ayat pendulu tetap S – K – O.

Sampel 9 (27 Oktober 1958)

Siapa – Apa – Bila

- | | | |
|-------|---|--|
| Siapa | : | Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tengku Abdul Rahman |
| Apa | : | memberi amaran bahawa beliau akan menarek keluar wakil Persekutuan dari Majlis Keselamatan Dalam Singapura |
| Bila | : | hari ini. |

Dalam pendulu itu, tiga unsur sahaja yang diutamakan, iaitu *siapa*, *apa* dan *bila*. Susunan pendulu ialah S – K – O.

Sampel 10 (10 November 1958)

Siapa – Apa

- | | | |
|-------|---|---|
| Siapa | : | Persekutuan Tanah Melayu |
| Apa | : | akan mendapat pinjaman sa-banyak \$100,000,000 dari negeri Brunei yang kaya dengan minyak |

Hanya dua unsur pendulu yang diutamakan, iaitu *siapa* dan *apa*. Susunan ayat pendulu ialah S – K – O.

Sampel 11 (1 Disember 1958)

Apa – Di mana – Bila

- | | | |
|---------|---|---|
| Apa | : | Satu perbahasan dari segi undang2 telah berlaku |
| Di mana | : | dalam meshuarat jawatankuasa agong Persekutuan China Malaya (MCA) |
| Bila | : | malam ini sa-telah di-umumkan keputusan undi atas perlumbagaan-nya yang baharu. |

Tiga unsur sahaja yang diutamakan dalam pendulu itu, iaitu *apa*, *di mana* dan *bila*. Susunan ayat pendulu ialah S – K tanpa objek.

Pendulu Tahun 1959

Sampel 1 (12 Januari 1959)

Siapa – Bila – Apa – Mengapa

- Siapa : Perdana Menteri Persekutuan, Tengku Abdul Rahman
Bila : hari ini
Apa : marah sa-kali dengan satu berita sa-buah sharikat warta Indonesia
Mengapa : yang menyatakan bahawa ia telah menyetujui ranchangan2 untuk mendirikan sa-buah “Negara Melayu Islam” yang termasuk Sumatra.

Berbeza daripada susunan ayat sampel-sampel sebelum ini, unsur predikat bukan kata kerja, tetapi kata adjektif, iaitu *marah*. Bagaimanapun, susunannya tetap subjek pelaku di pangkal ayat.

Sampel 2 (2 Februari 1959)

Siapa – Apa – Bila – Mengapa (1) Di mana – Mengapa (2)

- Siapa : Tiga orang tua
Apa : telah mati kena pijak
Bila : pagi ini
Mengapa (1) : manakala kira-kira lebih dari 2,000 orang merempoh masuk ke dalam Tokong Budha Singapura
Di mana : di Kam Yam Road
Mengapa (2) : kerana hendak mendapatkan “ang pow” hadiah2 tahun baru China.

Susunan ayat S – K, tetapi kata kerjanya dalam bentuk ragam pasif, iaitu pasif dengan kata bantu *kena*.

Sampel 3 (2 Mac 1959)

Siapa – Apa – Mengapa

- Siapa : Kerajaan Persekutuan
Apa : di-katakan berasa bimbang
Mengapa : kerana bilangan pegawai2 expatriate yang hendak berhenti dibawah ranchangan Malayanisation pada tahun ini telah “melebhi angka yang biasa”.

Susunan ayat pendulu itu ialah S – K tanpa objek.

Sampel 4 (13 April 1959)

Siapa - Apa
Siapa : Parti Tindakan Ra'ayat (PETIR)
Apa : berchadang hendak mengadakan perubahan2 yang besar sa-kali dalam sistem pelajaran Singapura sa-andainya ia memang dalam pilehan raya bulan depan ini.

Susunan ayat pendulu ialah S – K dengan disertai keterangan syarat, iaitu *sa-andainya ia menang dalam pilehan raya bulan depan ini*.

Sampel 5 (4 Mei 1959)

Apa(1) - Di mana - Siapa – Apa (2)
Apa (1) : Keadaan sunyi sepi
Di mana : di-pulau ini
Siapa : Perdana Menteri, Dato Abdul Razak bin Hussein
Apa (2) : tiba dan merayu kepada pendudok2 supaya bertenang dan tinggal dalam aman damai.

Terdapat dua unsur *apa*; yang pertama perihal keadaan dan yang kedua berkaitan dengan *siapa*, iaitu apa yang dilakukan. Ayat pendulu itu terdiri daripada ayat panchangan. Ayat induknya, iaitu *Keadaan sunyi sepi di pulau ini* bersusunan S-Adj. Ayat kecil yang menjadi keterangan, iaitu *manakala Perdana Menteri, Dato Abdul Razak bin Hussein tiba dan merayu kepada pendudok2 supaya bertenang dan tinggal dalam aman damai* bersusunan S – K, dengan K terdiri daripda dua kata kerja tak transitif, iaitu *tiba* dan *merayu*.

Sampel 6 (1 Jun 1959)

Siapa – Apa
Siapa : Parti Tindakan Ra'ayat yang mendapat kemenangan besar dalam pilehan raya sa-malam

Apa : akan mengambil langkah pertama bagi pembentukan kerajaannya manakala pemimpin atau pemimpin2-nya menemui gabnor Sir William Goode di Rumah Kerajaan esok.

Susunan ayatnya ialah S – K – O

Sampel 7 (20 Julai 1959)

Siapa – Bila – Apa – Mengapa

Siapa : Ketua Pergerakan Pemuda UMNO merangkap Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, Inche Sardon bin Haji Jubir
Bila : hari ini
Apa : mengumumkan bahawa Perikatan mempunyai satu “senjata sulit”
Mengapa : untuk menghadapi pemimpin2 PAS dan Parti Negara di-Pantai Timor dalam pilehan raya Parliament ini.

Susunan ayat pendulu tersebut ialah S – K – O, dengan objeknya terdiri daripada ayat komplemen, iaitu *bahawa Perikatan mempunyai satu “senjata sulit”*.

Sampel 8 (31 Ogos 1959)

Siapa – Bila – Apa – Mengapa

Siapa : Paduka Baginda, yang di-Pertuan Agong
Bila : malam tadi
Apa : telah menyatakan suka chita-nya dan kebangaan-nya
Mengapa : terhadap kemajuan2 tanah ayer... menchapai kemerdekaan-nya pada 31 August tahun 1957 dahulu.

Susunan ayat pendulu ialah S – K – O.

Sampel 9 (21 September 1959)

Siapa – Bila – Apa – Di mana – Mengapa

Siapa : Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong
Bila : pagi tadi
Apa : di-bawa
Di mana : dari Fraser Hill... dan di-masukkan ka-Hospital Bungsar di-sini
Mengapa : kerana suatu penyakit dada.

Susunan ayatnya ialah S – K, dengan K terdiri daripada kata kerja pasif, iaitu *dibawa*.

Sampel 10 (23 November 1959)

Apa – Bila – Mengapa

Apa : Perkhidmatan kereta api Persekutuan telah puleh kembali
Bila : hari ini sa-telah lumpoh sa-lama tiga hari
Mengapa : akibat perselisihan antara driver2 kereta api itu dengan pehak2 yang berkuasa jabatan itu.

Susunan ayat pendulu itu ialah S – K.

Sampel 11 (7 Disember 1959)

Apa – Di mana – Bila

Apa : Peratoran2 Dharurat yang baharu dan ketat telah di-umumkan
Di mana : di-sini
Bila : hari ini

Susunan ayatnya ialah S – K, dengan K terdiri daripada kata kerja pasif, iaitu *di-umumkan*.

Pendulu Tahun 1960

Sampel 1 (4 Januari 1960)

Siapa – Apa – Di mana

Siapa : Lembaga Pusat Elektrik
Apa : akan menaikkan bayaran bekalan elektrik
Di mana : di seluroh Persekutuan

Susunan ayat pendulu ialah S – K – O.

Sampel 2 (1 Februari 1960)

Siapa – Bila – Apa

Siapa : Pengerusi Jawatankuasa Pusat Minggu Bahasa Kebangsaan,
Tuan Syed Nasir bin Ismail
Bila : hari ini

Apa : memberi tahu Berita Harian : "Berita2 yang di-terima dari segenap pelosok tanah ayer menyatakan Minggu Bahasa Kebangsaan telah mendapat sambutan yang paling meriah dari pelbagai bangsa dalam negeri ini."

Susunan ayat ialah S – K – O.

Sampel 3 (7 Mac 1960)

Siapa – Apa – Di mana – Bila – Mengapa

Siapa : Perdana Menteri, Tengku Abdul Rahman dan Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak
Apa : telah memimpin beberapa sidang rahasia UMNO dan Perikatan
Di mana : di-sini
Bila : malam tadi
Mengapa : untok mengambil undi sulit tentang pemilihan chalun Pemangku Menteri Besar Perak.

Susunan ayatnya ialah S – K – O.

Sampel 4 (4 April 1960)

Siapa – Apa – Di mana – Mengapa

Siapa : Beribu2 ra'ayat dan penduduk Persekutuan
Apa : telah memenoh sesakkan jalan2 raya yang tertentu
Di mana : di-Kuala Lumpur

Mengapa : untok kali yang terakhir perarakan jenazah Almarhum Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong sa-belum jenazah di-bawa ka-Sri Menanti.

Susunan ayatnya ialah S – K – O.

Sampel 5 (23 Mei 1960)

Siapa – Apa – Mengapa

Siapa : Sa-orang kerabat raja Kedah yang sekarang mengepalai kira2 80 orang kampong yang tidak memilekki tanah untuk membuka tanah di-tanah hutan simpan Kerajaan kira2 20 batu dari Ibu Kota

Apa : telah mendapat amaran keras daripada Kerajaan Negeri
Mengapa : supaya jangan meneruskan pembukaan tanah itu.

Susunan ayatnya ialah S – K – O.

Sampel 6 (13 Jun 1960)

Siapa – Bila – Apa

Siapa : Dr. A.A. Sandoshan, bekas Pengetua Universiti Malaya bahagian Singapura
Bila : hari ini
Apa : mengingatkan bahaya sikap mendiamkan diri terhadap sa-buah Kerajaan yang memerlukan kechaman dan tegoran.

Susunan ayatnya ialah S – K – O.

Sampel 7 (4 Julai 1960)

Siapa – Bila – Apa – Mengapa

Siapa : Kerajaan Persekutuan
Bila : hari ini
Apa : telah mengumumkan penubohan sa-buah Suruhanjaya
Mengapa : untok mengkaji sa-mula peratoran2 tender yang sa-lama ini telah menimbulkan kechaman2 dari kalangan2 perniagaan Melayu khusus-nya.

Susunan ayatnya ialah S – K – O.

Sampel 8 (1 Ogos 1960)

Siapa – Apa (1) – Bila – Apa (2)

Siapa : Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
Apa (1) : dalam titahnya mengishtiharkan Tammat-nya Dharurat
Bila : hari ini
Apa(2) : telah menyatakan keshukuran-nya bahawa zaman 12 tahun “yang gelap gelita” yang lalu sekarang di-ganti dengan “zaman baharu, zaman bahagia yang belum pernah di-rasai oleh ra’ayat jelata beta di-masa lalu.”

Susunan ayatnya ialah S – K – O

Sampel 9 (5 September 1960)

Siapa – Di mana – Bila – Apa – Mengapa

- Siapa : Persidangan perwakilan chawangan2 yang maseh patoh kapada Jawatankuasa UMNO Negeri Singapura.
Di mana : yang diadakan di-Central Theatre
Bila : hari ini
Apa : telah meluluskan dua keputusan yang antara-nya membentuk satu rombongan UMNO Negeri Singapura untuk menemui Yang di-Pertuan Agong UMNO Malaya, Tengku Abdul Rahman.
Mengapa : supaya UMNO Negeri dapat di-i'tiraf kembali oleh UMNO Malaya.

Sampel 10 (3 Oktober 1960)

Apa – Bila

- Apa : Konsep baharu Pergerakan Pemuda UMNO Malaya – dahulu “tulang belakang” perjuangan kemerdekaan telah lahir
Bila : hari ini.

Susunan ayatnya S – K tanpa objek.

Sampel 11 (21 November 1960)

Siapa – Bila – Apa – Mengapa

- Siapa : Pemangku Perdana Menteri, Tun Abdul Razak
Bila : hari ini
Apa : telah menyeru ra'ayat yang tidak memilekki tanah di-Perlis supaya berhijrah ka-Negeri2 lain
Mengapa : untuk membuka tanah2 baharu.

Susunan ayatnya S – K – O.

Sampel 12 (5 Disember 1960)

Siapa – Apa – Mengapa

- Siapa : Kerajaan Persekutuan
Apa : telah menguntokkan \$15 juta

Mengapa : untuk membeli alat2 bagi ranchangan2 pembangunan luar bandar-nya.

Susunan ayatnya ialah S – K – O.

Pendulu Tahun 1961

Sampel 1 (9 Januari 1961)

Siapa – Apa – Bila – Mengapa

Siapa : Menteri Besar Trengganu, Inche Daud Samad
Apa : telah champor tangan
Bila : hari ini
Mengapa : dalam pertikaian antara ibu2 bapa dan pehak berkuasa pelajaran tentang murid2 – kebanyakannya Melayu yang gagal dalam pepereksaan untok masuk ka-sekolah2 menengah.

Susunan ayat pendulu ialah S – K.

Sampel 2 (6 Februari 1961)

Siapa – Apa
Siapa : Kerajaan PAS Trengganu yang di-pimpin oleh Menteri Besar, Inche Daud Samad
Apa : mungkin akan menghadapi sa-kali lagi usul tidak perchaya – kali ini di-kemukakan oleh anggota2nya sendiri.

Susunan ayat pendulu ialah S – K – O.

Sampel 3 (6 Mac 1961)

Apa – Bila – Siapa
Apa : Laporan Surohanjaya Dato Dr. Ismail tentang masharakat pelajar2 Malaya di-United Kingdom dan Ireland – berjumlah kira2 3,600 orang telah di-terbitkan
Bila : hari ini
Siapa : oleh Kerajaan Persekutuan

Susunan ayat pendulu berbentuk ayat pasif diri ketiga.

Sampel 4 (3 April 1961)

Apa – Siapa – Bila

- Apa : Satu ranchangan pembangunan sa-lama empat tahun yang menelan biaya \$871juta di-tujukan untuk memechahkan masa'alah penganggoran Singapura telah di-umumkan
Siapa : oleh Kerajaan
Bila : hari ini

Susunan ayat pendulu berbentuk ayat pasif diri ketiga.

Sampel 5 (22 Mei 1961)

Siapa – Bila – Apa – Mengapa

- Siapa : Penyokong2 Perikatan di-seluroh negeri
Bila : hari ini
Apa : meriah sa-kali
Mengapa : terhadap kemenangan besar mereka – 114 kerusi daripada 147 Kerusi yang dapat di-rebut oleh chalun2 Perikatan dalam pilehan2 raya Majlis Bandaran yang di-adakan dalam tiga buah negeri semalam.

Susunan ayat pendulu ialah S – Adj.

Sampel 6 (26 Jun 1961)

Siapa – Bila – Apa

- Siapa : Pemimpin2 dan penyokong2 Perikatan
Bila : hari ini
Apa : menyambut berita kemenangan Perikatan *di-dalam pilehan raya* bandaran Kuala Trengganu dengan penoh gembira.

Susunan ayat pendulu ialah S – K – O.

Sampel 7 (10 Julai 1961)

Siapa – Bila – Apa – Mengapa

- Siapa : Pemimpin2 politik di-Brunai, Sarawak Sabah
Bila : hari ini
Apa : telah bersetuju mengadakan satu front bersama

Mengapa : dalam menghadapi rancangan "Malaysia Raya" Perdana Menteri Persekutuan, Tengku Abdul Rahman.

Susunan ayat pendulu ialah S – K – O.

Sampel 8 (21 Ogos 1961)

Siapa – Bila – Apa

Siapa : Parti Rakyat Malaya
Bila : pada hari Sabtu kelmarin
Apa : telah memutuskan untuk menerima Malaysia anjoran Perdana Menteri Tengku Abdul Rahman pada dasar-nya.

Susunan ayat pendulu ialah S – K – O.

Sampel 9 (11 September 1961)

Apa – Di mana – Bila

Apa : Sabuah bangunan Kolej Islam Malaya akan di-bina
Di mana : di-Petaling Jaya
Bila : tahun hadapan

Susunan ayat pendulu berbentuk ayat pasif tanpa pelaku.

Sampel 10 (2 Oktober 1961)

Siapa – Apa

Siapa : Kerajaan PAS Trengganu
Apa : mungkin dapat bergerak sa-mula jika benar berita2 yang mengatakan dua orang anggota Parti di dalam Majlis Undangan menyatakan kesanggupan untuk menyebelah kapada Kerajaan PAS.

Susunan ayat pendulu ialah S – K.

Sampel 11 (6 November 1961)

Siapa – Apa – Di mana – Bila – Mengapa

Siapa : Jawatankuasa perhubungan Perikatan Trengganu
Apa : akan bersidang
Di mana : di-Kemaman

Bila : esok
Mengapa : untuk membinchangkan soal penubohan sa-buah kerajaan baru di-negeri itu, berikutan dengan kejatohan Kerajaan PAS akhir bulan lalu.

Susunan ayat pendulu ialah S – K.

Sampel 12 (18 Disember 1961)

Apa – Di mana – Bila
Apa : Suatu ‘convention’ besar Pergerakan Pemuda UMNO Malaya akan di-adakan
Di mana : di-ibu kota
Bila : dalam bulan March ini.

Susunan ayat pendulu ialah dalam bentuk ayat pasif tanpa pelaku

Pendulu Tahun 1962

Sampel 1 (19 Mac 1962)

Siapa – Apa – Bila
Siapa : Perdana Menteri, Tengku Abdul Rahman
Apa : memberi amaran bahawa benchana akan berlaku kiranya gagasan Malaysia tidak di-laksana-kan sa-chepat mungkin.
Bila : hari ini.

Susunan ayat pendulu ialah S – K – O.

Sampel 2 (30 April 1962)

Siapa – Bila – Apa
Siapa : Perdana Menteri Tengku Abdul Rahman
Bila : hari ini
Apa : dengan terang2 telah menuudoh Parti Komunis China, yang di pimpin oleh Mao Tse Tung, chuba “mempengaruhi fikiran orang2 Melayu melalui gerakan Komunis kaum tani di-Indonesia.

Susunan ayat pendulu ialah S – K – O.

Sampel 3 (7 Mei 1962)

Siapa – Bila – Apa – Mengapa

Siapa : Menteri Perdagangan dan Perusahaan, Inche Khir Johari
Bila : hari ini
Apa : telah memberi amaran

Mengapa : bahawa sa-kira-nya pertikaian antara UMNO Bahagian Larut dan Matang dengan UMNO chawangan Taiping tidak di-selesaikan, maka Majlis Kerja Tertinggi UMNO Malaya akan mengambil alih pentadbiran Bahagian tersebut.

Susunan ayat pendulu ialah S – K – O.

Sampel 4 (11 Jun 1962)

Siapa – Bila – Apa – Mengapa

Siapa : Masharakat Islam Singapura
Bila : hari ini
Apa : telah di-seru supaya “berjuang dan berjihad serta menyatukan tenaga dalam satu gerakan raksasa
Mengapa : untuk menebus kelemahan dan kemundoran mereka sekarang ini.”

Susunan ayat pendulu ialah dalam bentuk ayat pasif tanpa pelaku.

Sampel 5 (30 Julai 1962)

Siapa – Bila – Apa – Mengapa

Siapa : Inche Aziz Ishak, Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama
Bila : hari ini
Apa : mengumumkan bahawa beliau akan meletakkan jawatan-nya dari Kabinet
Mengapa : kalau ia tetap juga di-pindahkan dari Kementerian-nya sekarang.

Susunan ayat pendulu ialah S – K – O.

Sampel 6 (6 Ogos 1962)

Siapa – Bila – Apa

Siapa : Menteri Pelajaran, Inche Abdul Rahman Talib
Bila : hari ini

Apa : mengumumkan langkah Kerajaan hendak memberikan “penghargaan negara” kapada penulis2 dan pengarang2 bahasa Melayu yang hasil karya-nya patut di-hargai.

Susunan ayat pendulu ialah S – K – O.

Sampel 7 (17 September 1962)

Apa (1) – Bila – Siapa – Apa (2) - Mengapa

Apa (1) : Satu lagi langkah untuk mengatasi kelemahan2 UMNO Kelantan akan di-ambil
Bila : pada minggu depan
Siapa : manakala Ketua Pemuda UMNO Dato Sardon Jubir
Apa (2) : tiba di-sini
Mengapa : untuk mengemaskan barisan pemuda-nya itu di-Kelantan.

Susunan ayat pendulu ialah dalam bentuk ayat pasif tanpa pelaku.

Sampel 8 (15 Oktober 1962)

Siapa – Di mana – Apa

Siapa : Lima orang lagi pegawai PAS
Di mana : di-sabuah ranting di-sini,
Apa : telah mengumumkan tindakan mereka menarek diri dari PAS dan masok UMNO.

Susunan ayat pendulu ialah S – K – O.

Pendulu Tahun 1963

Sampel 1 (21 Januari 1963)

Siapa – Bila – Apa

Siapa : Menteri Kewangan Tun Tan Siew Sin
Bila : hari ini
Apa : menyatakan bahawa tidak ada sebab dari segi ekonomi dan modal untuk pekerja2 di-negeri ini umum-nya di-beri kenaikan gaji pada masa sekarang.

Susunan ayat pendulu ialah S – K – O.

Sampel 2 (11 Februari 1963)

Siapa – Bila – Apa – Mengapa

- Siapa : Perdana Menteri, Tengku Abdul Rahman
Bila : malam ini
Apa : telah menguchap shukor
Mengapa : kerana ra'ayat negeri ini seluroh-nya menikmati keadaan aman damai dan ma'amor serta dapat pula menjalankan amal ibadat mereka dengan chukop kemudahan sama ada mereka itu miskin atau kaya.

Susunan ayat pendulu ialah S – K – O.

Sampel 3 (25 Mac 1963)

Siapa – Bila – Apa

- Siapa : Sultan Brunei
Bila : hari ini
Apa : mengumumkan dengan resmi-nya bahawa Brunei akan masuk Malaysia pada 31 August dengan Singapura dan 3 Wilayah lain di-Borneo.

Susunan ayat pendulu ialah S – K – O.

Sampel 4 (8 April 1963)

Siapa – Apa – Mengapa

- Siapa : Kesemua 9 orang ahli PAS dalam Dewan Negeri Trengganu
Apa : sedia meletakkan jawatan dan menyerahkan kembali mandate kepada ra'ayat
Mengapa : kira-nya Kerajaan Perikatan Trengganu memberi jaminan untuk mengadakan pilehan-raya baharu di-seluroh negeri Trengganu.

Susunan ayat pendulu ialah S – K – O.

Sampel 5 (6 Mei 1963)

Siapa – Bila – Apa

- Siapa : Perdana Menteri, Tengku Abdul Rahman
Bila : hari ini

Apa : menyatakan bahawa Malaysia tidak sekali2 berniat hendak memperjudikan nyawa pemuda2-nya, wang ringgit-nya dan masa hadapan untuk menchari keuntungan dan kekuasaan.

Susunan ayat pendulu ialah S – K – O.

Sampel 6 (24 Jun 1963)

Siapa – Apa – Bila – Mengapa

Siapa : Kabinet Kerajaan Persekutuan
Apa : akan bersidang
Bila : esok
Mengapa : untuk membinchangkan jawapan kerajaan Singapura terhadap tawaran akhir Kerajaan Persekutuan mengenai perchantuman kedua2 wilayah itu.

Susunan ayat pendulu ialah S – K tanpa objek.

Sampel 7 (1 Julai 1963)

Siapa – Apa – Bila – Di mana

Siapa : Dua orang lagi nelayan dari Tanjung Sepat
Apa : telah di-tahan oleh sa-kumpulan lanun2 yang bersenjata
Bila : pada kira2 pukol 4 suboh pagi semalam
Di mana : di-perayeran Selat Melaka.

Susunan ayat pendulu ialah dalam bentuk ayat pasif diri ketiga.

Sampel 8 (26 Ogos 1963)

Siapa – Apa – Bila

Siapa : Rombongan Bangsa2 Bersatu di-Sabah
Apa : akan memulakan tugas-nya
Bila : pagi esok (sama ada pemerhati2 dari Indonesia dan Filipina tiba atau tidak).

Susunan ayat pendulu ialah S – K – O.

Sampel 9 (9 September 1963)

Siapa – Bila – Apa
Siapa : Kerajaan PAS Kelantan
Bila : hari ini
Apa : telah mengumumkan bahawa hari kelahiran Malaysia – 16 dan 17 September – tidak akan di-ishtiharkan sa-bagai hari chuti umum.

Susunan ayat pendulu ialah S - K - O.

Sampel 10 (7 Oktober 1963)

Siapa – Apa(1) – Bila – Apa (2) – Mengapa
Siapa : Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Luar Bandar,Tun Abdul Razak bin Hussein,
Apa (1) : berkata
Bila : semalam
Apa (2) : bahawa Kerajaan Pusat tidak akan ragu2 lagi untok mengambil tindakan yang sa-wajar-nya.
Mengapa : terhadap ulama2 yang mengeluarkan fatwa yang salah sa-hingga memecah belahan perpaduan orang2 Islam di-negeri ini.

Susunan ayat pendulu ialah S – K dengan pelengkap.

Sampel 11 (11 November 1963)

Siapa – Apa – Mengapa
Siapa : Kementerian Keselamatan Dalam Negeri
Apa : telah bertindak menangkap sa-orang ulama' PAS di Kelantan
Mengapa : yang dikatakan telah mengeluarkan fatwa "kafir mengkafir" terhadap orang2 Islam yang bersahabat dengan orang bukan Islam.

Susunan ayat pendulu ialah S – K – K – O, dengan K yang pertama ialah kata kerja tak transitif, iaitu *bertindak* dan yang kedua kata kerja transitif *menangkap*.

Sampel 12 (16 Disember 1963)

Siapa – Apa
Siapa : Sa-ramai empat belas orang perantau2 Indonesia yang berhijrah ka-daerah ini

Apa : sekarang merupakan sa-buah bom yang mungkin meletup bila2 masa sahaja,menurut pegawai2 Kerajaan dan Keselamatan di-sini sekarang.

Susunan ayat pendulu ialah S – K.

Pendulu Tahun 1964

Sampel 1 (6 Januari 1964)

Siapa – Apa (1) – Bila – Apa (2)

Siapa : Perdana Menteri Tengku Abdul Rahman

Apa (1) : berkata

Bila : hari ini

Apa (2) : bahawa keadaan di-Borneo terbit daripada konfrontasi Indonesia
“amat-lah berat.”

Sampel 2 (24 Februari 1964)

Siapa – Bila – Apa – Mengapa – Di mana – Bagaimana

Siapa : Malaysia

Bila : hari ini

Apa : telah memberi amaran kapada Indonesia bahawa langkah2 yang perlu akan di-ambil

Mengapa : untuk menentang sa-barang langkah yang akan di-ambil oleh Indonesia membekalkan gerila2-nya

Di mana : di-Sabah dan Sarawak

Bagaimana : melalui jalan2 darat, laut atau udara.

Sampel 3 (9 Mac 1964)

Siapa (1) – Apa – Bila (1) – Mengapa – Siapa (2) – Bila (2)

Siapa (1) : Kabinet

Apa : akan mengadakan satu sidang khas

Bila (1) : besok

Mengapa : untuk mengambil keputusan mengenai dua perkara yang paling penting yang sedang di-hadapi oleh negara sekarang,

Siapa (2) : demikian di-nyatakan oleh Perdana Menteri Tengku Abdul Rahman

Bila (2) : hari ini.

Sampel 4 (27 April 1964)

Apa (1) – Apa (2) – Siapa – Bila – Bagaimana – Mengapa
Apa (1) : Terima kasih,
Apa (2) : kata
Siapa : Tengku Abdul Rahman
Bila : hari ini
Bagaimana : dengan perasaan penoh terharu
Mengapa : kerana kemenangan gemilang Perikatan dalam pilehan raya
Parlemen dan Negeri2.

Sampel 5 (4 Mei 1964)

Siapa – Apa – Bila

Siapa : Kesatuan Pekerja2 Pos yang terdiri dari 1,400 orang anggota itu
Apa : akan melancharakan mogok mereka
Bila : pada tengah malam 10 Ma

Sampel 6 (8 Jun 1964)

Apa (1) – Bila – Apa (2)

Ap (1) : Segala halangan terhadap sidang kemuncak di-Tokyo nampaknya telah dapat di-atasi
Bila : hari ini
Ap (2) : dan jalan ka-kemunchak itu pun nampak-nya telah terbuka.

Sampel 7 (6 Julai 1964)

Siapa – Apa – Di mana – Bila - Mengapa

Siapa : Perdana Menteri, Tengku Abdul Rahman
Apa (2) : hendak membunuh Pas dan DAP jika golongan pembangkang memerintah negara ini, akan disebarluaskan kepada umum.

Sampel 9 (29 Oktober 1990)

Apa (1) – Siapa – Bila (1) – Apa (2) – Bila (2)

Apa (1) : Seperti diduga,
Siapa : ahli Parlimen Tanjung, Encik Lim Kit Siang,
Bila (1) : hari ini

Apa (2) : menarik balik perletakan jawatan sebagai Setiausaha Agung DAP yang diumumkan
Bila (2) : Rabu lalu.

Sampel 10 (12 November 1990)

Siapa – Apa (1) – Bila – Apa (2) – Mengapa
Siapa : Semua calon jawatan Majlis Tertinggi Umno
Apa (1) : dalam pemilihan parti
Bila : hujung bulan ini
Apa (2) : dinasihatkan supaya jangan mengadakan kempen kotor yang membabitkan penggunaan wang dan jentera kerajaan serta mengadakan pakatan,
Mengapa : bagi mengelakkan berulangnya tragedi 1987.

Sampel 11 (10 Disember 1990)

Apa (1) – Di mana – Bila – Apa (2) – Mengapa – Siapa
Apa (1) : Belanjawan Negara 1991 yang akan dibentangkan
Di mana : di Parlimen
Bila : Jumaat ini
Apa (2) : adalah ‘ganjaran istimewa’
Mengapa : untuk rakyat kerana terus memilih kerajaan Barisan Nasional memerintah negara ini,
Siapa : kata Menteri Kewangan, Datuk Paduka Daim Zainuddin.

Pendulu Tahun 1991

Sampel 1 (7 Januari 1991)

Siapa – Apa – Di mana – Bila
Siapa : Polis
Apa : menawan segerombolan 12 lanun dan membebaskan 13 anak kapal dagang Filipina yang dirampas oleh lanun itu,
Di mana : kira-kira 10 batu nautika dari perairan Kota Kinabalu
Bila : petang semalam.

Sampel 2 (11 Februari 1991)

Apa : Rombakan kecil Kabinet Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang diumumkan semalam disifatkan sebagai mengambil kira hasrat majoriti rakyat, khususnya ahli Umno.

Sampel 3 (4 Mac 1991)

Apa (1) – Siapa – Di mana – Apa (2)

Apakah (1) : Jabatan Pendidikan Negeri mengarahkan
Siapa : semua guru
Di mana : di negeri ini
Apakah (2) : memansuhkan penggunaan buku latihan kerja sebagai langkah meringankan beban murid yang terpaksa membawa buku latihan seberat di antara lima hingga tujuh kilogram.

Sampel 4 (22 April 1991)

Siapa – Apa – Di mana

Siapa : Kerajaan Singapura
Apa : akan mengambil alih tanah milik Keretapi Tanah Melayu (KTM)
Di mana : di republik itu, iaitu di kawasan Stesen KTM di Tanjung Pagar, Keppel Road serta kawasan rezab KTM sepanjang 21 kilometer dari stesen berkenaan sehingga ke stesen kecil di Bukit Timah.

Sampel 5 (6 Mei 1991)

Siapa – Apa - Bila

Siapa : Tiga daripada lima ahli lembaga pengarah Koperasi Usaha Bersatu Malaysia Berhad (KUB), termasuk Pengurusinya, Datuk Haji Harun Idris,
Apa : tewas di mesyuarat agung tahunan ke-11 koperasi itu yang di adakan di sini,
Bila : hari ini.

Sampel 6 (24 Jun 1991)

Siapa – Di mana – Apa – Mengapa

Siapa : Empat belas pihak berkuasa bekalan air negeri

Di mana : di seluruh negara
Apa : menanggung kerugian sekurang-kurangnya \$44.3 juta setahun
Mengapa : kerana menggunakan meter air lam

Sampel 7 (1 Julai 1991)

Siapa – Apa – Di mana
Siapa : Kerajaan negeri Perak
Apa : dipercayai mengalami kerugian sekurang-kurangnya \$1 bilion sejak 1973 berikutan kegiatan sindiket yang cuba mengaut keuntungan melalui urusniaga jual-beli lot industri
Di mana : di negara ini.

Sampel 8 (26 Ogos 1991)

Siapa - Apa
Siapa : Kerajaan
Apa : sedang menyemak semula tangga gaji baru pensyarah universiti tempatan bagi mengelak pengaliran keluar tenaga pengajar berpengalaman ke sektor swasta.

Sampel 9 (9 September 1991)

Apa – Di mana - Siapa – Bila
Apa : Satu kepala manusia, badan tanpa kepala, tangan wanita dan cebisan perut serta tujuh dokumen peribadi milik anak kapal dan penumpang jet eksekutif Grumman Gulfstream 2, ditemui
Di mana : di puncak Tinutu dan, banjaran Croker,
Siapa : oleh pasukan penyelamat
Bila : hari ini.

Sampel 10 (4 Oktober 1991)

Apa – Di mana
Apa : Sistem Saraan Baru (SSB) dan struktur perkhidmatan awam negara yang diumumkan oleh kerajaan semalam akan menjadi contoh sistem gaji dan pentadbiran awam terbaik
Di mana : di rantau ini.

Sampel 11 (18 November 1991)

Siapa - Apa - Bila
Siapa : Umno
Apa : akan mempersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah resolusi mengenai teguran ahlinya terhadap campur tangan istana dalam pentadbiran negeri yang dibahaskan dalam Perhimpunan Agung Umno
Bila : baru-baru ini.

Sampel 12 (30 Disember 1991)

Siapa – Apa
Siapa : Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad,
Apa : menyifatkan kenaikan gaji menteri adalah wajar dan tidak harus diperbesar-besarkan oleh semua pihak, khususnya pembankang.

Pendulu Tahun 1992

Sampel 1 (3 Februari 1992)

Apa – Di mana - Bila

Apa : Sebuah pesawat SIAI Marchetti 211 Trainer milik Tentera Udara Singapura (SAF) terhempas
Di mana : di perairan Selat Johor, kira-kira satu kilometer dari pantai Tanjung Adang, 40 kilometer dari sini,
Bila : petang semalam.

Sampel 2 (30 Mac 1992)

Siapa (1) – Apa – Siapa (2)
Siapa (1) : Kerajaan
Apa : menyerahkan kepada jabatan kastam dan Eksais Diraja untuk menyelesaikan isu kereta mewah Sultan Kelantan,
Siapa (2) : kata Timbalan Perdana Menteri, Ghafar Baba.

Sampel 3 (6 April 1992)

Siapa – Apa (1) – Di mana – Bila – Apa (2)
Siapa : Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad

Apa (1) : berkata, kegagalan Mesyuarat Jawatankuasa Persiapan (PrepCom) bagi Sidang Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Alam Sekitar (Unced)
Di mana : di New York
Bila : yang berakhir kelmarin,
Apa (2) : adalah bukti negara maju tidak ikhlas menyelesaikan masalah alam sekitar.

Sampel 4 (4 Mei 1992)

Siapa (1) – Apa – Di mana – Siapa (2)
Siapa (1) : Kerajaan Singapura
Apa : pada dasarnya bersetuju mengkaji semula laluan penerbangan latihan pesawat Tentera Udara Singapura (SAF)
Di mana : di ruang udara Johor,
Siapa (2) : kata Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Sampel 5 (8 Jun 1992)

Siapa - Apa
Siapa : Kerajaan
Apa : mengarahkan semua kerajaan negeri, penguasa tempatan dan polis supaya jangan mengeluarkan permit bagi sebarang konsert kecuali artis lelaki terbabit mematuhi peraturan berambut pendek.

Sampel 6 (6 Julai 1992)

Siapa – Apa – Mengapa
Siapa : Kementerian Dalam Negeri
Apa : mengesyaki wujudnya sindikit memalsukan kad pengenalan merah yang lusuh,
Mengapa : untuk dijual kepada kira-kira 100,000 pendatang asing yang tidak berdaftar ketika gerakan pendaftaran pekerja asing yang berakhir 30 Jun lalu.

Sampel 7 (3 Ogos 1992)

Siapa - Apa
Siapa : Pasukan Siasatan Khas
Apa : yang ditugaskan menyiasat video lucah yang membabitkan bekas

Timbalan Speaker Dewan Rakyat, D.P. Vijandran, sedang mengesan beberapa wanita yang dikatakan turut terbabit berlakon dalam video itu.

Sampel 8 (19 Oktober 1992)

Apa (1) – Bila – Apa (2)

- Apa (1) : Jawatankuasa agung Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia (DPPMM)
Bila : hari ini
Apa (2) : memutuskan Syed Amin Al-Jeffri masih menjadi setiausaha agung dewan itu dan berhak meneruskan tugasnya.

Sampel 9 (2 November 1992)

Apa (1) – Bila – Apa (2)

- Apa (1) : Keyakinan kukuh pelabur terhadap Belanjawan 1993 dengan jumlah Bursa saham Kuala Lumpur (BSKL) yang mencatatkan 230 juta unit saham bernilai \$600 juta pada hari pembentangan Belanjawan
Bila : Jumaat lalu,
Apa (2) : rekod tertinggi pernah dicatat setakat ini.

Sampel 10 (7 Disember 1992)

Siapa – Apa – Di mana (1) – Bila (1) – Mengapa – Di mana (2) – Bila (2)

- Siapa : Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Datuk Zaman Khan
Apa : mengesahkan jurulatih pasukan hoki Maktab Sultan Abu Bakar (MSAB) Douglas Gomez membuat aduan polis
Di mana (1) : di Johor Bahru,
Bila (1) : hari ini
Mengapa : berikutan kecederaan yang dialaminya setelah dipanggil
Di mana (2) : ke istana Bukit Serene, Johor Bahru,
Bila (2) : Isnin lalu.

Pendulu Tahun 1993

Sampel 1 (4 Januari 1993)

Siapa – Bila – Apa

- Siapa : Sultan Johor

Bila : hari ini
Apa : mengumumkan ‘perhimpunan bersama rakyat’ yang dijadualkan di Istana Besar di sini Jumaat ini ditangguhkan.

Sampel 2 (15 Februari 1993)

Apa
Apa : Hukuman ke atas raja-raja yang didapati bersalah di Mahkamah Khas, Adalah sama beratnya dengan hukuman ke atas rakyat biasa yang diadili di mahkamah awam.

Sampel 3 (22 Mac 1993)

Apa - Bila
Apa : Sebanyak 25,990 tempat ditawarkan oleh lapan universiti tempatan termasuk Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) yang baru ditubuhkan bagi pengambilan sesi 1993/1994
Bila : Julai ini.

Sampel 4 (12 April 1993)

Siapa – Apa (1) – Bila – Apa (2)
Siapa : Semua agen
Apa (1) : yang dipertanggungjawabkan membawa masuk buruh asing ke negara ini diarah menghentikan kegiatan itu
Bila : mulai hari ini.
Apa (2) : bagi mengawal kemasukan mereka.

Sampel 5 (17 Mei 1993)

Siapa – Apa
Siapa : Guru
Apa : perlu memikirkan cara yang lebih inovatif, kreatif dan imaginatif dalam tugas harian mereka bagi menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang bermutu tinggi.

Sampel 6 (21 Jun 1993)

Siapa (1) – Apa – Siapa (2)
Siapa (1) : Kerajaan
Apa : menaikkan had maksimum pinjaman Tabung Usahawan Baru (TUB) daripada RM1 juta kepada RM2 juta,
Siapa (2) : kata Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sampel 7 (19 Julai 1993)

Siapa – Apa
Siapa : Indonesia
Apa : yang menyokong penuh penubuhan Rundingan Ekonomi Asia Timur EAEC), mahu ia dilaksanakan dengan cara berkesan seperti diharapkan oleh Malaysia.

Sampel 8 (2 Ogos 1993)

Siapa – Apa – Mengapa
Siapa : Malaysia dan Indonesia
Apa : sedang mencari satu mekanisme
Mengapa : untuk mengatasi masalah kemasukan pendatang tanpa izin dari Indonesia kerana ia bukan sahaja menimbulkan masalah keselamatan, bahkan turut menjelaskan ekonomi kedua-dua negara.

Sampel 9 (6 September 1993)

Apa
Apa : Tuduh menuduh di antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) persatuan penduduk 1,400 pangaspuri DBKL menyebabkan isu kaki lima pangaspuri terabit bergelap, berpanjangan dan gagal diselesaikan.

Sampel 10 (11 Oktober 1993)

Siapa (1) – Apa – Mengapa – Siapa (2)
Siapa (1) : Kuasa Barat terutama Amerika Syarikat,
Apa : tidak lagi berhak

Mengapa : untuk mengkritik Malaysia apabila negara itu sendiri tidak sanggup bertindak atas dasar hak asasi manusia di Bosnia-Herzegovina,
Siapa (2) : kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sampel 11 (18 November 1993)

Siapa – Apa – Di mana

Siapa : Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat
Apa : akan memperkenalkan insentif bagi menarik lebih banyak guru
menyertai kelas tadika
Di mana : di seluruh negara.

Sampel 12 (13 Disember 1993)

Siapa (1) – Apa – Mengapa – Di mana – Bila – Siapa (2)

Siapa (1) : Kerajaan
Apa : mengkaji semula pembinaan bangunan tinggi di lereng bukit
Mengapa : bagi mengelak kejadian bangunan runtuh seperti pangsapuri
Highland Towers

Di mana : di Taman Hillview, Hulu Klang
Bila : semalam,
Siapa (2) : kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sampel 1 (10 Januari 1994)

Siapa – Apa – Mengapa

Siapa : Kerajaan
Apa : akan menjadikan 45 kem tentera di seluruh negara sebagai pusat
Mengapa : untuk melatih belia melalui program bina semangat bercorak
ketenteraan.

Sampel 2 (7 Februari 1994)

Siapa – Apa – Mengapa

Siapa : Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad
Apa : berkata, niat baik Kerajaan Pusat untuk membangunkan Sabah
sering terbantut
Mengapa : kerana diputarbelitkan oleh kerajaan negeri pimpinan parti
bersatu Sabah (PBS).

Sampel 3 (14 Mac 1994)

Siapa – Bila – Apa
Siapa : Ketua Menteri Sabah, Datuk Joseph Pairin Kitingan,
Bila : hari ini
Apa : mengumumkan pembubaran Dewan Undangan Negeri (DUN)
Sabah Setelah mendakwa mendapat persetujuan Yang Dipertua
Negeri, Tun Mohamad Said Keruak.

Sampel 4 (4 April 1994)

Siapa – Apa – Bila
Siapa : Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad
Apa : berkata, kedudukan kewangan negara tetap kukuh dan tidak
terjejas walaupun Bank Negara kerugian RM5.7 bilion dalam
pasaran hadapan mata wang asing
Bila : tahun lalu

Sampel 5 (9 Mei 1994)

Apa – Bila
Apa : Seratus lapan puluh empat pemaju perumahan di seluruh negara
di kenal pasti gagal membuka akaun Pemaju Perumahan (APP)
sejak arahan mengenainya dikuatkuasakan
Bila : tiga tahun lalu.

Sampel 6 (20 Jun 1994)

Apa (1) – Bila – Apa (2)
Apa (1) : Perhimpunan Agung Khas Umno
Bila : petang ini
Apa (2) : sebulat suara meluluskan pindaan perlombagaan parti itu, yang
antara lain memperuntukkan lima bentuk tindakan terhadap ahli
yang mengingkari atau melanggar Tataetika Ahli Umno.

Sampel 7 (25 Julai 1994)

Siapa – Apa
Siapa : Kerajaan
Apa : tidak merancang untuk membubarkan tanah rancangan seperti
Felda dan Felcra walaupun sesetengah kawasan itu berpotensi
dimajukan sebagai kawasan perindustrian komersil.

Sampel 8 (18 Ogos 1994)

Siapa – Apa – Mengapa

- Siapa : Kementerian Kesihatan
Apa : akan mewajibkan pengamal perubatan tradisional termasuk singse dan bomoh mendaftar dengannya
Mengapa : kerana kes penipuan perkhidmatan mereka meningkat.

Sampel 9 (5 September 1994)

Siapa (1) – Apa (1) – Siapa (2) – Di mana – Apa (2) – Bila

- Siapa (1) : Polis
Apa (1) : menahan
Siapa (2) : isteri Asaari Mohamad dan empat pengikut al-Arqam mengikut Akta Keselamatan Dalam negeri (ISA)
Di mana : di Lapangan Terbang Antarabangsa (LTAB) Kuala Lumpur di Subang,
Apa (2) : setibanya mereka dari Thailand
Bila : malam tadi.

Sampel 10 (17 Oktober 1994)

Siapa – Apa

- Siapa : Datuk Seri Dr Mahthir Mohamad
Apa : berkata, Belanjawan Negara tahun hadapan sekali lagi akan memberi tumpuan kepada usaha mengawal inflasi ke paras minimum dan memastikan pertumbuhan ekonomi yang pesat.

Sampel 11 (7 November 1994)

Apa

- Apa : Satu kajian Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar mendapati minat pelajar Bumiputera aliran sains terhadap bidang sains dan teknologi (S&T) amat kurang berbanding kaum lain.

Sampel 12 (5 Disember 1994)

Apa : Sijil Perjalanan Laksana Paspot (SPLP) bentuk buku yang dikeluarkan oleh Kedutaan Indonesia kepada lebih 200,000 pekerja di sini sejak awal bulan lalu, belum diiktiraf oleh pihak berkuasa.

Pendulu Tahun 1995

Sampel 1 (16 Januari 1995)

Siapa – Bila – Apa – Mengapa
Siapa : Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar)
Bila : hari ini
Apa : memfailkan saman di Mahkamah Tinggi di sini terhadap Kerajaan Kelantan
Mengapa : kerana membantah tindakannya mengambil alih tanah seluas lebih 4,000 hektar milik agensi itu.

Sampel 2 (13 Februari 1995)

Apa – Siapa
Apa : Beratus-ratus pembeli rumah kos rendah terutamanya bagi rumah yang dibina sejak 1960-an, akan mendapat geran hak milik tidak lama lagi
Siapa : kata Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Dr Ting Chew Peh.

Sampel 3 (8 Mac 1995)

Apa
Apa : Seramai 40,508 atau 20.5 peratus daripada 252,823 calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun lalu, termasuk dari sekolah swasta dan calon persendirian mendapat pangkat satu.

Sampel 4 (24 April 1995)

Siapa – Apa
Siapa : Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad

Apa : meminta rakyat Kelantan menolak Angkatan Perpaduan Ummah (APU) yang diterajui Pas pada pilihan raya umum Selasa ini tanpa berasa sangsi terhadap implikasinya.

Sampel 5 (8 Mei 1995)

Siapa (1) – Apa – Bila – Siapa (2)
Siapa (1) : Kabinet
Apa : akan meneliti semula keputusan Tenaga Nasional Berhad (TNB) menaikkan tarif elektrik sebanyak 0.8 peratus seunit berkuatkuasa
Bila : bulan ini,
Siapa (2) : kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sampel 6 (12 Jun 1995)

Siapa – Apa – Mengapa
Siapa : Kerajaan
Apa : memberi jaminan akan merancang pertumbuhan ekonomi negara dengan teliti
Mengapa : bagi mengelakkannya menjadi terlalu pesat terutama dalam jangka masa singkat kerana ia boleh menyebabkannya ‘meledak’ dan lumpuh.

Sampel 7 (24 Julai 1995)

Apa : Negara yang mempunyai kuasa pembatal (veto) bertanggungjawab terhadap kezaliman Bosnia-Herzegovina, selain pegawai kanan Pertubuhan Bangsa- Bangsa Bersatu (PBB).

Sampel 8 (21 Ogos 1995)

Siapa – Apa – Bila
Siapa : Kakitangan Universiti Malaya (UM)
Apa : diberi pilihan sama ada kekal dalam Sistem Saran Baru (SSB) atau skim gaji baru tersendiri yang jauh lebih menarik apabila dikorporatkan
Bila : awal tahun depan.

Sampel 9 (11 September 1995)

Siapa – Apa (1) – Di mana – Apa (2) – Mengapa

Siapa	:	Malaysia
Apa (1)	:	berharap mesyuarat Kumpulan Penghubung Persidangan Pertubuhan Islam (OIC)
Di mana	:	di Kuala Lumpur
Apa (1)	:	bermula esok memikirkan cara
Mengapa	:	untuk berhubung antara satu sama lain dan membuat penyelarasan dalam menangani masalah Bosnia.

Sampel 10 (2 Oktober 1995)

Siapa – Apa – Mengapa

Siapa	:	Kementerian Pendidikan
Apa	:	menggariskan lima aspek garis panduan
Mengapa	:	untuk meningkatkan fungsi pendidikan swasta, sejajar dengan aspirasi menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan pendidikan serantau.

Sampel 11 (27 November 1995)

Apa	:	Perjuangan Umno mempertahankan maruah bangsa dan agama sejak 1946 akan diteruskan.
Mengapa	:	bagi memastikan orang Melayu mendapat pengiktirafan dunia dalam semua bidang,
Siapa	:	kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sampel 12 (18 Disember 1995)

Apa (1) – Bila – Apa (2)

Apa (1)	:	Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7) yang bermula
Bila	:	awal tahun depan
Apa (2)	:	akan menumpukan usaha menggalakkan pengusaha tempatan mengeluarkan banyak barang berdasarkan eksport.

Pendulu Tahun 1996

Sampel 1 (22 Januari 1996)

Siapa : Malaysia
Apa tetap bertegas menghantar semua pendatang haram Vietnam pulang ke negara asal mereka.

Sampel 2 (6 Februari 1996)

Siapa – Apa
Siapa : Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad
Apa : menegaskan semua pihak perlu akur bahawa perkhidmatan yang disediakan oleh Indah Water Konsortium (IWK) perlu dibayar.

Sampel 3 (11 Mac 1996)

Siapa – Apa – Mengapa
Siapa : Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad
Apa : membidas Amerika Syarikat (AS)
Mengapa : kerana menuduh Malaysia mencabul hak asasi manusia dan menegaskan Washington sepatutnya mengotakan kata-katanya sebelum mengadili pihak lain.

Sampel 4 (8 April 1996)

Siapa (1) – Apa – Mengapa – Siapa (2)
Siapa (1) : golongan muda
Apa : perlu mempunyai prinsip perjuangan yang jelas sejak dari awal
Mengapa : bagi mengelakkan mereka terkeluar daripada landasan yang benar dan dituntut oleh agama,
Siapa (2) : kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sampel 5 (30 Mei 1996)

Siapa – Bila – Apa
Siapa : Datuk Seri Anwar Ibrahim
Bila : hari ini
Apa : mengingatkan ahli Umno supaya tidak membiarkan diri dipengaruhi oleh golongan adu domba politik yang cuba memecah belahan perpaduan parti.

Sampel 6 (9 Jun 1996)

Siapa – Apa – Di mana

Siapa : Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad
Apa : berkata, Malaysia bimbang kemenangan Parti Lisud berhaluan kanan Benjamin Netanyahu dalam pilihan raya umum Israel mungkin menghalang usaha damai
Di mana : di Timur Tengah.

Sampel 7 (8Julai 1996)

Siapa – Apa

Siapa : MCA
Apa : mahu usaha sama di antara usahawan Cina dan Melayu bagi mewujudkan kedudukan ‘menang-menang’ dilakukan secara lebih serius serta ikhlas.

Sampel 8 (8 Ogos 1996)

Siapa – Apa (1) – Mengapa – Bila – Apa (2)

Siapa : Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad
Apa (1) : kesal
Mengapa : kerana Tenaga Nasional Berhad (TNB) gagal memperbaiki sistem penyaluran elektrik sehingga seluruh Semenanjung bergelap sekali lagi
Bila : malam tadi
Apa (2) : selepas kejadian pertama pada 1992.

Sampel 9 (2 September 1996)

Siapa – Apa (1) – Di mana – Apa (2) – Bila

Siapa : Kerajaan negeri
Apa (1) : akan mengumumkan punca kejadian banjir lumpur
Di mana : di penempatan Orang Asli Pos Dipang dekat sini,
Apa (2) : yang meragut 26 nyawa 16 masih hilang,
Bila : esok.

Sampel 10 (21 Oktober 1996)

Siapa – Apa

- Siapa : Pemilik rumah
Apa : yang menyewakan rumah kepada rakyat asing yang tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah dan permit kerja boleh didakwa sebagai melindungi pendatang tanpa izin mengikut Akta Imigresen.

Sampel 11 (11 November 1996)

Siapa - Apa - Mengapa

- Siapa : Pos Malaysia Berhad (Pos Malaysia)
Apa : akan menawarkan ganjaran gaji lebih sesuai kepada lebih 11,000 kakitangannya terutama 7,169 posmen
Mengapa : untuk meningkatkan tahap perkhidmatan, komitmen dan semangat bekerja mereka.

Sampel 12 (16 Disember 1996)

Siapa (1) – Apa – Mengapa – Siapa (2)

- Siapa (1) : Kerajaan
Apa : tidak akan membuat hutang baru
Mengapa : kerana tindakan itu membebankan rakyat yang terpaksa membayar cukai tinggi pada masa depan,
Siapa (2) : kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Pendulu Tahun 1997

Sampel 1 (27 Januari 1997)

Siapa – Apa – Mengapa

- Siapa : Kementerian Pembangunan Usahawan
Apa : akan menggubal satu rangka program pembangunan keusahawanan dan pendidikan membabitkan Bumiputera
Mengapa : bagi membolehkan mereka mengambil bahagian secara cergas dalam industri multimedia termasuk Koridor Raya Multimedia (MSC).

4

Sampel 2 (3 Februari 1997)

Siapa – Apa

Siapa : Majikan
Apa : yang memberhentikan pekerja tempatan dan menggantikan mereka dengan pekerja asing akan dikenakan denda tinggi berikutkan pindaan terhadap Akta Pekerjaan 1955.

Sampel 3 (24 Mac 1997)

Siapa – Apa

Siapa : Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad
Apa : berkata, kerajaan tidak boleh bercadang mengenakan sebarang syarat luar biasa kepada Singapura dalam usaha memulihkan hubungan antara kedua-dua negara.

Sampel 4 (14 April 1997)

Siapa – Apa

Siapa : Tan Sri Muhammad Muhd Taib
Apa : mahu menjadikan perletakan jawatannya sebagai Menteri Besar Selangor semalam sebagai contoh kepada pemimpin politik atau pegawai kerajaan yang bermasalah, pada masa akan datang.

Sampel 5 (13 Mei 1997)

Siapa

: Barisan Nasional (BN)
Apa : mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Kemena dengan majoriti besar apabila calonnya, Datuk Ujang anak Jilan dengan kelebihan 5,471 undi.

Sampel 6 (2 Jun 1997)

Apa – Mengapa – Bila

Apa : Semua 114 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menjalankan kempen besar-besaran Hari Pembersihan Seluruh Negara
Mengapa : bagi memastikan tahap kebersihan semua premis terjamin
Bila : mulai hari ini.

Sampel 7 (14 Julai 1997)

Siapa – Apa – Bila
Siapa : Lebih dua juta ahli koperasi
Apa : berpeluang melabur dalam satu lagi skim saham amanah, apabila Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) memperkenalkan Amanah Saham Angkasa (ASA)
Bila : awal tahun depan.

Sampel 8 (18 Ogos 1997)

Siapa – Apa – Bila
Siapa : Kira-kira 6,000 atlit dari seluruh dunia
Apa : mungkin bersaing di Sukan Komanwel 1998 (Sukom 98) September tahun depan dalam keadaan cuaca berjerebu jika langkah mengurangkan kesan jerebu termasuk pencemaran, tidak diambil
Bila : mulai sekarang.

Sampel 9 (18 September 1997)

Apa – Bila
Apa : Kualiti udara di seluruh negara bertambah buruk dengan empat kawasan diklasifikasikan sebagai ‘sangat tidak sihat’ apabila bacaan Indeks Pencemaran Udara (API) meningkat melebihi 201.
Bila : hari ini

Sampel 10 (27 Oktober 1997)

Siapa (1) – Apa – Siapa (2)
Siapa (1) : Kabinet
Apa : menolak cadangan kenaikan baru tol Lebuhraya Utara Selatan (Plus) mengkaji semula kadar itu,
Siapa (2) : kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sampel 11 (17 November 1997)

Siapa - Apa : Pas
Siapa : meminta seluruh ahlinya mengetepikan perbezaan fahaman politik, Sebaliknya bersatu menentang ancaman luar dalam menangani tindakan sekumpulan anggota Kongres Amerika Syarikat mencampuri urusan negara ini.

Sampel 12 (1 Disember 1997)

Siapa – Apa : Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad
Siapa : menyifatkan peniaga yang menaikkan harga barang ketika negara menghadapi kegawatan ekonomi sebagai golongan yang tidak patriotik dan sama taraf dengan orang yang mensabotaj ekonomi negara.

Pendulu Tahun 1998

Sampel 1 (5 Januari 1998)

Siapa (1) – Apa – Mengapa – Siapa (2)
Siapa (1) : Kerajaan
Apa : akan mencatu pembelian gula di kalangan pengguna di seluruh negara
Mengapa : bagi mengelak berlakunya masalah kekurangan bahan mentah itu di pasaran,
Siapa (2) : kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob.

Sampel 2 (16 Februari 1998)

Apa – Mengapa
Apa : Pelaksanaan skim kenaikan gaji menegak dan melintang bagi kakitangan kerajaan tidak akan dibekukan, walaupun pelbagai langkah penjimatan dilaksanakan kerajaan
Mengapa : untuk menangani kegawatan ekonomi negara sekarang.

Sampel 3 (16 Mac 1998)

Siapa – Apa – Di mana – Bila

Siapa : Datuk Seri Anwar Ibrahim
Apa : akan mengemukakan langkah tambahan pemulihan ekonomi kedua, apabila membentangkan kajian semula unjuran pertumbuhan ekonomi negara
Di mana : di Parlimen,
Bila : 23 Mac ini.

Sampel 4 (13 April 1998)

Siapa (1) – Apa – Siapa (2)

Siapa (1) : Pelumba haram dan samseng jalan raya
Apa : akan dikenakan hukuman penjara mandatori apabila pindaan undang-undang yang sedang dilakukan sekarang dikuatkuasakan,
Siapa (2) : kata Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Sampel 5 (4 Mei 1998)

Siapa – Apa

Siapa : Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad
Apa : mahu patriotisme, budaya dan tamadun rakyat Malaysia dicerminkan melalui organisasi penganjuran dan kejayaan Sukan Komanwel XVI (Sukom 98).

Sampel 6 (29 Jun 1998)

Siapa – Apa

Siapa : Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan)
Apa : akan menggunakan kaedah kritikan membina dalam memperbetulkan keadaan walaupun ada ketikanya menyentuh menteri daripada parti komponan Barisan Nasional (BN) yang lain.

Sampel 7 (30 Julai 1998)

Siapa – Apa – Mengapa

Siapa : Pemilik hak cipta di negara ini

Apa : akan mengambil tindakan sivil di mahkamah ke atas lanun cetak rompak
Mengapa : bagi menampung kerugian berjuta ringgit setiap bulan akibat kegiatan mencetak rompak cakera padat (CD) dan video cakera padat (VCD) keluaran mereka.

Sampel 8 (17 Ogos 1998)

Apa – Di mana
Apa : Satu lagi ajaran sesat yang turut disertai profesional Melayu termasuk doktor, arkitek dan pegawai kerajaan, dikesan bergiat
Di mana : di negeri ini.

Sampel 9 (14 September 1998)

Apa (1) – Di mana – Bila – Apa (2)
Apa (1) : Negaraku berkumandang
Di mana : di Pusat Bowling Pyramid di sini
Bila : hari ini pada hari kedua Sukan Komanwel XVI – KL'98
Apa (2) : yang menyaksikan Malaysia cemerlang dalam acara bowling , menembak dan hoki.

Sampel 10 (12 Oktober 1998)

Apa (1) – Mengapa – Apa (2) – Bila
Apa (1) : Pintu masuk di kawasan sempadan Semenanjung diawasi
Mengapa : bagi memastikan tiada minyak masak dibawa keluar,
Apa (2) : manakala pihak berkuasa di Johor Bahru merampas berpuluhan botol bahan itu daripada rakyat Singapura yang mahu membawanya ke republik itu,
Bila : hari ini.

Sampel 11 (9 November 1998)

Apa (1) – Di mana – Bila – Apa (2)
Apa (1) : Walaupun ringgit Malaysia tidak sah diperlakukan
Di mana : di luar negara
Bila : sejak 1 Oktober lalu,
Apa (2) : ada pihak termasuk rakyat asing cuba menyeludup keluar ringgit dalam jumlah yang besar.

Sampel 12 (14 Disember 1998)

Apa(1) – Apa (2) – Apa (3) – Apa (4)

Apa : “Parti penting, individu tidak penting. Individu datang dan pergi, tetapi parti kekal jauh lebih lama. Perjuangan tidak tamat kerana individu gagal. Tetapi perjuangan akan tamat jika parti hancur.”

Pendulu Tahun 1999

Sampel 1 (4 Januari 1999)

Siapa – Di mana – Apa – Bila

Siapa : Kira-kira 22,000 pelajar dari 63 sekolah
Di mana : di Pahang dan Kelantan
Apa : tidak dapat memulakan sesi pertama persekolahan 1999 mulai hari ini dan esok berikutan banjir
Bila : sejak beberapa hari lalu.

Sampel 2 (8 Februari 1999)

Siapa – Apa – Di mana - Bila

Siapa : Tujuh belas penduduk termasuk lima beranak serta 10 beradik masing-masing lima orang daripada dua keluarga,
Apa : terbunuh dalam kejadian tanah runtuh yang menimbas empat rumah
Di mana : di lereng bukit dekat Kampung Gelam di sini,
Bila : awal pagi ini.

Sampel 3 (8 Mac 1999)

Siapa (1) – Apa – Mengapa – Siapa (2)

Siapa (1) : Malaysia
Apa : mampu mengekalkan kestabilan dan kemakmuran
Mengapa : kerana negara ini masih berdisiplin dan menghormati peraturan serta undang- undang negara,
Siapa (2) : kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sampel 4 (12 April 1999)

Siapa (1) – Apa – Mengapa – Siapa (2)

Siapa (1) : Kerajaan

Apa : akan mengkaji membentuk satu pelan negara
Mengapa : bagi memulihkan sungai yang
tercemar,
Siapa (2) : kata Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law
Hieng Ding.

Sampel 5 (3 Mei 1999)

Siapa - Apa - Mengapa

Siapa : Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad
Apa : berkata beliau akan membuat penilaian mengenai masa yang
sesuai
Mengapa : untuk menyerahkan jawatan Perdana Menteri kepada
timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sampel 6 (14 Jun 1999)

Apa
Apa : Amanah Nasional Berhad 2 (ASN 2) berjaya menarik langganan
sebanyak 5 juta unit bernilai RM5 juta dalam tempoh dua hari
kaunternya dibuka untuk tawaran pada Khamis dan Jumaat lalu.

Sampel 7 (12 Julai 1999)

Siapa – Apa
Siapa : Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi
Apa : berkata, hasrat Pas hendak keluar Perlis dari Malaysia
jika memenangi pilihan raya adalah isu serius dan berhubung kait
dengan sikap menderhaka terhadap negara.

Sampel 8 (16 Ogos 1999)

Bila – Siapa - Apa

Bila : Mulai hari ini
Siapa : suri rumah, penuntut pusat pengajian tinggi dan pesara
Apa : boleh bekerja sementara dengan jabatan dan agensi
kerajaan berikutkan pengenalan Skim bayaran Upah Ikut Jam atau
Kerja.

Sampel 9 (27 September 1999)

Apa : Satu kajian pakar tempatan ke atas sekumpulan 12 individu yang dilakukan secara berterusan mulai 12 September lalu, mendapati kandungan arsenik mereka adalah tinggi, iaitu purata 200 hingga 600 mikrogram bagi setiap liter air kencing (ug/L).

Sampel 10 (4 Oktober 1999)

Apa : Ujian klinikal yang dijalankan termasuk oleh makmal luar negara setakat ini membuktikan Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak mengalami keracunan arsenik.

Sampel 11 (1 November 1999)

Siapa – Apa : Jawatankuasa Petugas Menangani Fitnah dan Panel Peguam Umno

Siapa : meminta mereka yang menafikan menerima bantuan daripada akaun induk Datuk Seri Anwar Ibrahim seperti didedahkan oleh bekas penolong gabenor Bank Negara, Datuk Abdul Murad Khalid,

Mengapa : supaya membuat penafian melalui akuan berkanun.

Sampel 12 (13 Disember 1999)

Siapa – Apa – Mengapa

Siapa : Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad

Apakah : berkata kerajaan akan mengenal pasti strategi

Mengapa : untuk mengelakkan masjid dan surau dijadikan tempat menabur fitnah dan pembohongan bagi kepentingan politik.

Semua data yang dibentangkan menunjukkan bahawa pendulu akhbar yang dikaji memberikan fokus atau penonjolan yang terpilih, iaitu beberapa unsur daripada unsur *siapa, apa, bila, di mana, mengapa* dan *bagaimana*. Tidak ada data yang menunjukkan bahawa pendulu memasukkan semua unsur sekali gus.

6.2.2.2 Analisis Data Keutamaan Unsur dalam Pendulu Berita

Daripada pembentangan sampel pendulu setiap tahun dari tahun 1957 hingga 1999 di atas, dikira kekerapan dari segi jumlah dan peratus unsur *siapa* dan *apa* sepanjang tempoh bahan itu dikaji. Jadual 6.5 menunjukkan kekerapan tersebut

Jadual 6.5 Unsur Keutamaan Pendulu Berita dari Tahun ke Tahun

Tahun	Jumlah Sampel	Unsur "Siapa"	Unsur "Apa"
1957	6	5 (83.3 %)	1 (16.7 %)
1958	11	10 (90.9 %)	1 (9.09 %)
1959	11	8 (72.7%)	3 (27.3 %)
1960	12	11 (91.7 %)	1 (8.3 %)
1961	12	8 (66.7 %)	4 (33.3 %)
1962	8	7 (87.5 %)	1 (12.5 %)
1963	12	11 (91.7 %)	1 (8.3 %)
1964	12	12 (100%)	0 (0%)
1965	12	7 (58.3 %)	5 (41.7 %)
1966	10	7 (70 %)	3 (30 %)
1967	11	7 (63.6 %)	4 (36.4 %)
1968	9	7 (77.8 %)	2 (22.2 %)
1969	12	8 (66.7 %)	4 (33.3 %)
1970	9	8 (88.9 %)	1 (11.1 %)
1971	11	8 (72.7 %)	3 (27.3 %)
1972	12	9 (75 %)	3 (25 %)
1973	11	9 (81.8 %)	2 (18.2 %)
1974	12	7 (58.3 %)	5 (41.7 %)
1975	12	10 (83.3 %)	2 (16.7 %)
1976	12	9 (75 %)	3 (25 %)
1977	12	11 (91.7 %)	1 (8.3 %)
1978	12	8 (66.7 %)	4 (33.3 %)

Tahun	Jumlah Sampel	Unsur "Siapa"	Unsur "Apa"
1979	12	11 (91.7%)	1 (8.3%)
1980	12	7 (58.3 %)	5 (41.7 %)
1981	12	9 (75 %)	3 (25 %)
1982	12	9(75 %)	3 (25 %)
1983	12	7 (58.3 %)	5 (41.7 %)
1984	12	8 (66.7 %)	4 (33.3 %)
1985	12	7 (58.3 %)	5 (41.7 %)
1986	11	6 (54.5 %)	5 (45.5 %)
1987	12	10 (83.3 %)	2 (16.7 %)
1988	11	10 (90.9 %)	1 (9.09 %)
1989	12	10 (83.3 %)	2 (16.7 %)
1990	11	6 (54.5 %)	5 (45.5 %)
1991	12	8 (66.7 %)	4 (33.3 %)
1992	10	7 (70 %)	3 (30 %)
1993	12	9 (75 %)	3 (25 %)
1994	12	8 (66.7 %)	4 (33.3 %)
1995	11	7 (58.3 %)	5 (41.7 %)
1996	12	12 (100 %)	0 (0 %)
1997	12	10 (83.3 %)	2 (16.7 %)
1998	12	6 (50 %)	6 (50 %)
1999	12	9 (75 %)	3 (25 %)

Data dalam jadual itu menunjukkan bahawa semua sampel dari tahun ke tahun memberikan keutamaan kepada unsur *siapa* dalam pendulu berita. Pendulu bagi sejumlah 8 tahun mencapai kekerapan antara 90% – 100% penggunaan unsur *siapa* (pendulu sampel pada tahun 1958, 1960, 1963, 1964, 1977, 1979, 1988, 1996). Pendulu bagi sejumlah 19 tahun adalah antara 70% dengan 90% (1957, 1959, 1962, 1966, 1968, 1970, 1971, 1972, 1973, 1975, 1976, 1981, 1982, 1987, 1989, 1992, 1993, 1997, 1999). Bagi tahun-tahun lain, pendulu yang mengutamakan unsur *siapa* adalah antara 50% hingga 70%, dengan tahun 1998 mencatat peratus yang terendah, iaitu 50%.

Bagi pendulu yang mengutamakan unsur *apa* pula, hanya pada dua tahun sahaja, iaitu 1986 dan 1990 tercapai peratus yang tertinggi, iaitu 45%. Selebihnya, kebanyakannya 30% dan ke bawah (27 tahun, iaitu 1957, 1958, 1959, 1960, 1962, 1963, 1964, 1966, 1968, 1970, 1971, 1972, 1973, 1975, 1976, 1977, 1979, 1981, 1982, 1987, 1988, 1989, 1992, 1993, 1996, 1997, 1999). Bagi 8 tahun, kurang daripada 10% pendulu yang mengutamakan unsur *siapa* (1958, 1960, 1963, 1964, 1977, 1979, 1988, 1996). Bahkan pada 2 tahun (1964 dan 1996), tidak ada sama sekali pendulu yang mengutamakan unsur *apa*.

Jadual 6.6 : Unsur Keutamaan Pendulu Berita dari Dekad ke Dekad

Dekad	Unsur "Siapa"	Unsur "Apa"
1950-an	82.1%	17.9%
1960-an	77.3%	22.7%
1970-an	78.3%	21.7%
1980-an	70.3%	29.7%
1990-an	70.0%	30.0%

Dari dekad ke dekad, kecenderungan yang sama berlaku, iaitu pendulu akhbar yang dikaji mengutamakan unsur pelaku, iaitu *siapa*. Kecenderungan itu tergambar dalam Jadual 6.6. Dalam dekad 1950-an, 82.1% pendulunya mengutamakan unsur *siapa* sementara 17.9% yang mengutamakan unsur *apa*. Dalam dekad 1960-an, 77.3% pendulu mengutamakan unsur *siapa* berbanding dengan 22.7% yang mengutamakan unsur *apa*. Dalam dekad 1970-an, 78.3% pendulunya mengutamakan unsur *siapa* sedang hanya 21.7% yang mengutamakan unsur *apa*. Dalam dekad 1980-an dalam pendulu berita yang mengutamakan unsur *siapa* mencapai 70.3% berbanding dengan 29.7% sahaja pendulu yang mengutamakan unsur *apa*. Akhirnya dalam dekad 1990-an, 70.0% pendulu mengutamakan unsur *siapa* dan 30.0% sahaja pendulu yang mengutamakan unsur *siapa*.

Kesimpulan yang dapat dibuat ialah bahawa dalam pembentukan wacana berita, pengendali akhbar *Berita Harian* lebih cenderung mengutamakan pendulu yang berunsurkan *siapa*, iaitu pelaku atau pihak yang menjadi unsur penyebab berlakunya

peristiwa atau tindakan. Pemilihan pendekatan ini dapat dihubungkan dengan strategi pemberitaan atau retorik kewartawanan yang menegaskan siapa berbuat atau melakukan apa. Agen yang dititikberatkan untuk mewujudkan cerita (berita) ialah pelaku, sementara peristiwa atau kejadian merupakan kesan daripada urutan sebab – akibat yang berpunca daripada adanya pelaku itu. Hal ini bersesuaian dengan prinsip penulisan kewartawanan yang menitikberatkan hubungan antara pelaku dengan perbuatan sebagaimana yang diuraikan oleh Melvin Mencher.

6.3 Kesimpulan

Bab ini mengemukakan mengemukakan analisis data pada aras wacana, dengan mengambil pendulu berita sebagai satu bahagian wacana dalam teks berita. Dua aspek yang berkaitan dengan retorik penulisan kewartawanan dianalisis berdasarkan sampel. Yang pertama ialah kepanjangan pendulu dan yang kedua ialah unsur yang diutamakan.

Kepanjangan pendulu relevan dengan keberkesanan retorik penulisan kewartawanan, kerana prinsip penulisan kewartawanan menetapkan jumlah perkataan yang wajar dalam pendulu berita ialah 35 patah perkataan. Aspek unsur yang diutamakan dalam pendulu pula dianalisis untuk melihat struktur pendulu yang berkesan. Asasnya ialah bahawa pendulu disampaikan dalam bentuk ayat penyata yang mengutamakan subjek pelaku dan diikuti oleh unsur kata kerja. Subjek pelaku menjelaskan unsur *siapa*, sementara kata kerja menjelaskan *apa* peristiwa yang berlaku.

Dari pada analisis yang dilakukan, didapati bahawa sampel akhbar yang dikaji sepanjang lima dekad (1950-an – 1990-an) menunjukkan kepanjangan pendulu berita yang memenuhi prinsip retorik penulisan kewartawanan yang baik. Data semua dekad

menunjukkan bahawa purata kepanjangan pendulu berita ialah dari 21 hingga 23 patah perkataan (Lihat Jadual 6.4)

Tentang aspek unsur yang diutamakan, iaitu sama ada unsur *siapa* atau unsur *apa*, analisis menunjukkan bahawa dalam pembentukan wacana berita, pendulu akhbar yang dikaji amat cenderung mengemukakan unsur *siapa*, berbanding dengan unsur *apa*. Sepanjang lima dekad, antara 70% hingga 82.1% pendulu mengutamakan unsur *siapa*, dan hanya antara 17.9% hingga 30% pendulu yang mengutamakan unsur *apa* (Lihat Jadual 6.6). Sebagaimana yang telah disebut dalam 6.2.2.2, binaan atau struktur pendulu yang sedemikian merupakan strategi pemberitaan yang berkesan, iaitu dengan lebih dahulu mengemukakan agen yang menyebabkan peristiwa. Hal ini merupakan logika sesuatu fenomena yang berlaku disebabkan oleh pelaku, iaitu ada pelaku lebih dahulu dan kemudian baru berlaku sesuatu fenomena. Kekecualiannya ialah fenomena yang berlaku bukan disebabkan oleh pelaku seperti yang ditunjukkan dalam sampel yang mengutamakan unsur *apa*.

Analisis kedua-dua aspek pendulu itu membawa kepada kesimpulan bahawa berita akhbar yang dikaji telah memenuhi retorik penulisan kewartawanan yang berkesan.